



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2025**

TATACARA PENGURUSAN TERIMAAN

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

KANDUNGAN

1. TUJUAN	1
2. LATAR BELAKANG	1
3. PELAKSANAAN	3
4. HAL-HAL LAIN	4
5. TARIKH KUAT KUASA	4
6. PEMBATALAN	4
7. PEMAKAIAN	5
LAMPIRAN A:	6
TAKRIFAN	6
1. TAKRIFAN	7
2. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	7
3. PENGURUSAN TERIMAAN	12
4. SISTEM BERKAITAN PENGURUSAN TERIMAAN	14
5. PENGURUSAN TERIMAAN SECARA ELEKTRONIK (TANPA TUNAI)	16
6. DOKUMEN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN	18
7. TERMA-TERMA LAIN	21
LAMPIRAN B:	22
GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN	22
1. PENGENALAN	23
2. KATEGORI HASIL	23
3. PENETAPAN KUASA DAN TUGAS SERTA KEBENARAN KHUSUS SECARA BERTULIS	24
4. JENIS PELANGGAN	30
5. PENGELUARAN DAN PENYELENGGARAAN INVOIS	30
6. TERIMAAN BERULANG	31
7. TERIMAAN TERDAHULU	32
8. KAEDAH TERIMAAN KERAJAAN	32
9. PENGELUARAN DAN PENYELENGGARAAN RESIT RASMI	34
10. MEREKOD RESIT RASMI DAN TERIMAAN	41
11. PENYEDIAAN PENYATA PEMUNGUT	42
12. TERIMAAN DIMASUKKAN KE DALAM AKAUN BANK KERAJAAN	42
13. TERIMAAN MELALUI PINDAHAN DANA DARIPADA AKAUN BANK PEMBAYAR (ELECTRONIC FUND TRANSFER - EFT) OLEH KEMENTERIAN/JABATAN	43
14. TERIMAAN MELALUI PINDAHAN TELEGRAF – [TELEGRAPHIC TRANSFER (TT)]	44

KANDUNGAN

15. TERIMAAN MATA WANG ASING DI DALAM NEGERI	44
16. PEMERIKSAAN DALAMAN	45
17. PEMERIKSAAN MENGEJUT	45
18. BILIK KEBAL ATAU PETI BESI	46
19. TERIMAAN MELALUI SISTEM TERIMAAN YANG DIBANGUNKAN OLEH KEMENTERIAN/JABATAN	47
20. KAWALAN SISTEM TERIMAAN	47
21. REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN DISIMPAN SELAMAT	48
LAMPIRAN C:	54
GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN DI KAUNTER TERIMAAN KEMENTERIAN/JABATAN	54
1. PENGENALAN	55
2. PENETAPAN KUASA DAN TUGAS PEGAWAI PENGAWAL KEPADA PEGAWAI PERAKAUNAN DI BAWAH KAWALANNYA (AP11) SERTA KEBENARAN KHUSUS SECARA BERTULIS	55
3. KAWALAN PENERIMAAN DI KAUNTER	55
4. PELAKSANAAN	56
LAMPIRAN D:	70
GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN KERAJAAN SECARA ELEKTRONIK (TANPA TUNAI)	70
1. PENGENALAN	71
2. PELAKSANAAN	73
3. TATACARA TERIMAAN	83
LAMPIRAN E:	97
GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN MELALUI RANGKAIAN POS MALAYSIA BERHAD DAN <i>POSONLINE</i>/EJEN PEMUNGUT KERAJAAN LAIN	97
1. PENDAHULUAN	98
2. KADAR CAJ PERKHIDMATAN	98
3. PELAKSANAAN	99
4. TATACARA TERIMAAN	102
LAMPIRAN F:	109
GARIS PANDUAN PENGURUSAN PULANGAN BALIK HASIL	109
1. PENGENALAN	110
2. PERMOHONAN KELULUSAN	110
3. MENGAKAUN PULANGAN BALIK	110
4. TANGGUNGJAWAB PUSAT TANGGUNGJAWAB	112

KANDUNGAN

5. PELARASAN	113
LAMPIRAN G:.....	120
GARIS PANDUAN PENGURUSAN AKAUN BELUM TERIMA.....	120
1. PENGENALAN	121
2. KATEGORI AKAUN BELUM TERIMA.....	122
3. PENYELENGGARAAN DAN PELAPORAN AKAUN BELUM TERIMA DAN TUNGGAKAN	124
4. PEMANTAUAN TUNGGAKAN.....	125
5. PELAPORAN AKAUN BELUM TERIMA DAN TUNGGAKAN.....	127
6. PENYELENGGARAAN REKOD-REKOD AKAUN BELUM TERIMA DAN TUNGGAKAN	130
7. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL	135
8. PENJEJASAN NILAI AKAUN BELUM TERIMA	139
9. HAPUS KIRA AKAUN BELUM TERIMA (ABT)	140
LAMPIRAN H:.....	170
GARIS PANDUAN PENYELENGGARAAN DAN SEMAKAN LAPORAN	170
1. PENGENALAN	171
2. KEPERLUAN PENYELENGGARAAN DAN SEMAKAN LAPORAN	173
3. PENGHANTARAN DOKUMEN AKAUN TERIMAAN BULANAN	177
4. LAPORAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN DISIMPAN SELAMAT	177
RUJUKAN:.....	195
UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN	195
RINGKASAN PINDAAN.....	202
SPANM TATACARA PENGURUSAN TERIMAAN	202

JANM.600-20/2/7 JLD. 2 (12)

**KERAJAAN MALAYSIA****SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2025**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

TATACARA PENGURUSAN TERIMAAN**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi garis panduan kepada Kementerian/Jabatan mengenai Tatacara Pengurusan Terimaan Kerajaan Persekutuan selaras dengan Pelaksanaan Perakaunan Akruan bagi memastikan terimaan Kerajaan Persekutuan diperakaunkan dengan tepat dan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 138, Akauntan Negara di bawah arahan Ketua Setiausaha Perbendaharaan bertanggungjawab:

- (a) (i) menentukan bahawa suatu sistem perakaunan yang sepatutnya diwujudkan dan pengawasan yang sesuai diadakan untuk mengelakkan kehilangan kerana penipuan atau kecuaiian di Perbendaharaan, Perbendaharaan Kecil dan Kementerian/Jabatan dalam Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Akauntan Negara dari semasa ke semasa boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang perlu bagi panduan Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri berkenaan dengan perkara itu;
- (ii) menyediakan apa-apa arahan serta tatacara berkaitan perakaunan selaras dengan keperluan dasar dan piawaian perakaunan dari semasa ke semasa bagi panduan Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri; dan
- (iii) menyediakan carta akaun bagi kegunaan perekodan dan perakaunan urus niaga.

- (b) (i) menjalankan penyeliaan ke atas terimaan dan mengakaun Wang Awam Persekutuan yang terdiri daripada hasil, pinjaman, amanah dan wang lain yang diterima oleh Persekutuan selain daripada Baitulmal atau hasil agama Islam yang serupa. Kewajipan ini termasuk dengan mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan bahawa Wang Awam itu diperakaunkan dan dipungut tepat pada waktunya;
- (ii) menerima hanya perbelanjaan yang dibenarkan dengan sepatutnya sebagai tanggungan dalam akaunnya;
- (iii) mengakaun dan membuat bayaran ke atas perbelanjaan Wang Awam yang dibenarkan dengan sepatutnya;
- (iv) mengawal Lebihan atau Kurangan Dana Am dan Lebihan atau Kurangan Dana Amanah Kerajaan; dan
- (v) melaporkan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan apa-apa luar aturan yang matan berhubung dengan akaun awam yang dibawa kepada perhatiannya.
- (c) memastikan analisis, penyediaan dan pembentangan Laporan Perakaunan Pengurusan adalah dalam tempoh yang ditetapkan serta selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan yang berkuat kuasa.
- (d) (i) mengawasi pematuhan tatacara kewangan dan perakaunan di Kementerian/Jabatan selaras dengan piawaian perakaunan, Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan yang berkuat kuasa; dan
- (ii) mendapatkan segala dokumen dan rekod kewangan dan perakaunan termasuk wang tunai, setem, aset awam dan liabiliti awam semasa menjalankan tugas berkaitan dengan pematuhan di Kementerian/Jabatan.
- (e) (i) menyelia penyediaan penyata kewangan Kementerian dalam tempoh yang ditetapkan; dan
- (ii) menyediakan dan menyerahkan Penyata Kewangan Kerajaan kepada Ketua Audit Negara sebelum atau pada 31 Julai tahun berikutnya.
- (f) memberi khidmat nasihat berkaitan piawaian perakaunan, pengurusan perakaunan dan kewangan bagi memastikan ia diuruskan dengan cekap dan teratur.

- 2.2 Selaras dengan AP53, Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk melaksanakan kewajipan kewangan Kementerian/Jabatan masing-masing dengan sempurna. Tanggungjawab tersebut adalah bagi memungut dengan sewajarnya segala Wang Awam yang patut diterima, menyimpannya dengan selamat serta bertanggungjawab sekiranya akaun yang dikemukakan oleh mereka atau di bawah kuasa mereka didapati tidak betul. Penetapan Kuasa dan Tugas kepada Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya hendaklah dibuat secara bertulis. Walau bagaimanapun, penetapan kuasa yang dibuat tidak melepaskan Pegawai Pengawal daripada tanggungjawab itu.
- 2.3 Selaras dengan AP53A, Pegawai Pengawal selaku Pegawai Perakaunan ketika melaksanakan tanggungjawab kewangan hendaklah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan, arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa, piawaian perakaunan sektor awam dan peraturan yang berkuat kuasa.
- 2.4 Selaras dengan AP53B, Pegawai Perakaunan yang menerima penetapan kuasa adalah bertanggungjawab termasuk untuk membayar balik apa-apa kerugian atau kekurangan terimaan dan bayaran Wang Awam di bawah kawalan atau simpanannya sekiranya didapati kerugian atau kekurangan terimaan itu adalah disebabkan oleh kegagalan dan kecuaiannya Pegawai Perakaunan itu sendiri.
- 2.5 Selaras dengan AP91, sistem terimaan elektronik atau sistem resit bermesin tidak boleh digunakan tanpa kelulusan bertulis daripada Akauntan Negara atau Pegawai Kewangan Negeri.

3. PELAKSANAAN

Surat Pekeliling ini mengandungi garis panduan seperti berikut:

- | | | |
|-----|-----------------------------------|--|
| (1) | <u>Lampiran A</u> | Takrifan |
| (2) | <u>Lampiran B</u> | Garis Panduan Pengurusan Terimaan |
| (3) | <u>Lampiran C</u> | Garis Panduan Pengurusan Terimaan di Kaunter Terimaan Kementerian/Jabatan |
| (4) | <u>Lampiran D</u> | Garis Panduan Pengurusan Terimaan Kerajaan Secara Elektronik (Tanpa Tunai) |
| (5) | <u>Lampiran E</u> | Garis Panduan Pengurusan Terimaan melalui Rangkaian Pos Malaysia Berhad Dan PosOnline/ Ejen Pemungut Kerajaan Lain |
| (6) | <u>Lampiran F</u> | Garis Panduan Pengurusan Pulangan Balik Hasil |

- (7) [Lampiran G](#) Garis Panduan Penyelenggaraan Akaun Belum Terima (ABT)
- (8) [Lampiran H](#) Garis Panduan Penyelenggaraan Dan Semakan Laporan

4. HAL-HAL LAIN

Pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), boleh dirujuk kepada pihak berikut:

Pengarah
Bahagian Khidmat Perunding (BKP)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 5, Perbendaharaan 2
No. 7, Persiaran Perdana
62594, Presint 2
Putrajaya.

U.p. : Unit Perakaunan Strategik (UPS)
E-mel : bkpups@anm.gov.my
No. Tel. : 03 - 8886 9538/ 9761/ 9623/ 9651/ 9875/ 9602

5. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

6. PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya surat pekeling ini, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) dan dokumen berikut adalah **dibatalkan**:

- 6.1 Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 3 Tahun 2019 rujukan JANM.BKP.600-14/1/11(03) bertarikh 25 Jun 2019 – Tatacara Pengurusan Terimaan.
- 6.2 Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) Bil. 3 Tahun 2022 bertarikh 5 Oktober 2022 – Pengurusan Terimaan Kerajaan Secara Elektronik Melalui E-dompet (E-wallet).
- 6.3 Perenggan 5 dan 6 Soalan Lazim (FAQ) Penyelenggaraan Laporan Kewangan Dan Perakaunan rujukan JANM.BKP.600-14/1/11 Jld.4 (7) bertarikh 24 Jun 2022 berkaitan Tatacara Pengurusan Terimaan.

7. PEMAKAIAN

Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Pejabat Perakaunan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi. Peraturan surat pekeliling ini juga dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR YATI BINTI AHMAD C.A.(M))

Akauntan Negara Malaysia

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PUTRAJAYA

14 Mac 2025

s.k. :

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Audit Negara

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua YB Pegawai Kewangan Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Akauntan Kementerian

Semua Pengarah Negeri/Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Semua Bendahari Negeri/Akauntan Negeri



**LAMPIRAN A:
TAKRIFAN**

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
2025**

1. TAKRIFAN

Garis panduan ini menyenaraikan takrifan penting berkaitan Tatacara Pengurusan Terimaan sebagai rujukan Kementerian/Jabatan. Ia mengandungi takrifan umum dan takrifan khusus merujuk kepada lampiran lain dalam surat pekeliling ini.

2. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

2.1 Pegawai Pengawal

Pegawai yang dilantik oleh Menteri Kewangan atau Menteri Besar/Ketua Menteri di bawah seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] bagi setiap tujuan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi mana-mana tahun kewangan dalam anggaran perbelanjaan. Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk mengawal perbelanjaan bagi maksud yang ditetapkan tertakluk kepada arahan oleh Perbendaharaan bagi maksud Persekutuan dan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri bagi maksud Negeri.

Takrifan ini hendaklah dibaca bersama AP10 seperti berikut:

2.1.1 [Pegawai Perakaunan](#) yang tertentu yang diberi tugas menjaga pada amnya Wang Awam yang diperuntukkan di bawah sesuatu maksud anggaran adalah dinamakan Pegawai Pengawal bagi maksud itu. Semua Pegawai Pengawal Persekutuan adalah dilantik oleh Menteri Kewangan dan semua Pegawai Pengawal Negeri oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri. Pelantikan itu dinyatakan dengan mencetak nama jawatan Pegawai Pengawal bagi setiap satu maksud anggaran perbelanjaan bersetentangan dengan setiap maksud perbelanjaan itu.

2.1.2 Pegawai Pengawal bertanggungjawab mengawal perbelanjaan di bawah maksud perbelanjaan (sebagaimana yang disenaraikan dalam Akta Perbekalan) tertakluk kepada apa-apa arahan yang dibuat oleh Perbendaharaan. Pegawai Pengawal juga bertanggungjawab kepada pengurusan dan kawal selia dalaman mengenai segala [Wang Awam](#) yang dipungut, diterima atau dibelanjakan dan semua Aset Awam yang diterima, disimpan atau dilupuskan oleh atau untuk Kementerian/Jabatan atau perkhidmatan yang baginya maksud anggaran itu diperuntukkan.

2.2 Pemungut

2.2.1 Selaras dengan AP3, Pemungut adalah pegawai yang berdasarkan kepada jawatannya atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau peraturan bertulis adalah bertanggungjawab untuk memungut wang bagi pihak Kerajaan.

2.2.2 Tanggungjawab pemungut adalah selaras dengan AP65. Pemungut Wang Awam adalah bertanggungjawab bagi:

- (1) menyimpan dengan selamat dan menggunakan dengan sepatutnya semua Resit Rasmi;
- (2) menyimpan dan mengunci semua stok Resit Rasmi yang belum guna dalam stok dengan selamat di bawah kawalannya sendiri atau di bawah kawalan seorang pegawai kanan yang tidak menyediakan Resit Rasmi atau membuat pungutan;
- (3) memastikan ciri-ciri keselamatan dan kawalan dalaman dalam persekitaran elektronik adalah mencukupi dan berfungsi. Hanya pegawai yang diberi kuasa sahaja boleh mengakses sistem dan dokumen terkawal; dan
- (4) melaksanakan terimaan secara elektronik mengikut Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan yang berkuat kuasa.

2.2.3 Pemungut juga bertanggungjawab untuk memungut wang bagi pihak Kerajaan di bawah undang-undang bertulis, antara lain adalah seperti berikut:

- (1) Akta Duti Hiburan 1953 [*Akta 103*] – Seksyen 3

“3. (1) Menteri Kewangan hendaklah menjadi Pemungut Duti Hiburan (dalam Akta ini disebut Pemungut) dan hendaklah bertanggungjawab untuk memungut duti yang ditetapkan oleh seksyen 4 dan secara amnya untuk melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Menteri Kewangan boleh melantik seorang timbalan atau timbalan-timbalan kepada Pemungut sama ada secara am bagi maksud Akta ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya atau bagi maksud peruntukan tertentu Akta atau bagi maksud peraturan-peraturan tertentu yang dibuat di bawah Akta ini.”

- (2) **Stamp Act 1949 (revised 1989) [Act 378] – Section 3**

“3. (1) *The Director General of Inland Revenue referred to in subsection 134(1) of the Income Tax Act 1967 [Act 53] shall be the Collector of Stamp Duties.*

(2) *The Minister of Finance may, by notification in the Gazette, appoint such number of Deputy Collectors of Stamp Duties*

as he thinks fit, for the purpose of carrying out the provisions of this Act.)”

(3) ***Federation Light Dues Act 1953 (Revised 1981) [Act 250]***
– Section 3

“3. (1) The owner, agent or master of every ship which in the course of a voyage enters any port or place within Peninsular Malaysia, other than ships exempted under subsection (3), shall pay light dues as prescribed by the Minister under this Act to such officer (hereinafter in this Act referred to as “the collector”) as may be appointed by regulations to collect such light dues.”

2.3 Penetapan Kuasa dan Tugas Pegawai Pengawal

Selaras dengan AP11(a) dan (b), Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal adalah:

- 2.3.1 Kewajipan kewangan dan perakaunan bagi pegawai yang bekerja di bawah seseorang Pegawai Pengawal hendaklah dinyatakan dengan jelas olehnya, dan khususnya setakat mana mereka itu dibenarkan menjalankan bagi pihaknya, tugas-tugas yang menjadi tanggungjawabnya hendaklah dinyatakan dengan bertulis.
- 2.3.2 Sekiranya berlaku sesuatu luar aturan, Pegawai Pengawal sepatutnya boleh menentukan dengan mudah pegawai yang bertanggungjawab; jika tidak, Pegawai Pengawal mungkin perlu mengganti apa-apa [kehilangan](#). Ada kemungkinan dalam sesuatu Kementerian/Jabatan yang besar Pegawai Pengawal menjalankan sedikit sahaja atau tidak langsung menjalankan kerja-kerja kewangan sehari-hari tetapi arahan-arahan yang tetap bagi Kementerian/Jabatannya atas perkara itu mestilah diluluskan olehnya sendiri dan sama ada arahan-arahan itu memberi kesan atau tidak hendaklah sentiasa menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal.

2.4 Kebenaran Khusus Secara Bertulis (KKSB)

- 2.4.1 Dokumen Penetapan Kuasa Dan Tugas menjadi asas kepada rujukan Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya.
- 2.4.2 Selaras dengan AP11(b), sekiranya berlaku di luar aturan, Pegawai Pengawal sepatutnya boleh menentukan dengan mudah siapakah yang bertanggungjawab, sekiranya tidak boleh ditentukan, terdapat kemungkinan Pegawai Pengawal perlu menggantikan kehilangan tersebut.

2.4.3 Ketua Jabatan/Pemegang Waran Peruntukan PTJ/Pemungut hendaklah menyelenggara Kebenaran Khusus Secara Bertulis bagi menyokong Jadual Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan dengan menyediakan butir-butir nama, jawatan dan lain-lain yang berkenaan dinyatakan supaya Penetapan Kuasa dan Tugas dalam format AP11 tersebut lebih jelas.

2.5 Ketua Jabatan

Ketua sesuatu sektor, bahagian atau cawangan di peringkat Ibu Pejabat atau perwakilan luar negeri atau ketua jabatan wilayah, bahagian, cawangan, daerah, daerah kecil atau pejabat di peringkat Negeri.

2.6 Ketua Akauntan Kementerian

AP3 menetapkan Ketua Akauntan Kementerian adalah akauntan utama bagi Kementerian termasuk apa-apa gelaran jawatan yang setara dengannya yang bertanggungjawab kepada Pegawai Pengawalnya dan tertakluk kepada kuasa Akauntan Negara dalam perkara mengenai tatacara perakaunan. Ketua Akauntan juga merupakan akauntan utama bagi Kementerian/Jabatan yang mempunyai lebih daripada seorang Pegawai Pengawal.

2.7 Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Selaras dengan PP PS 6.1 Garis Panduan Penubuhan dan Penutupan Pusat Tanggungjawab dan Pejabat Pemungut, Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah merujuk kepada pejabat Pemegang Waran Peruntukan/Ketua Jabatan yang telah menerima penetapan kuasa daripada Pegawai Pengawal dan bertanggungjawab untuk mengurus dan mengawal sumber kewangan di bawah seliaannya seperti peruntukan mengurus, peruntukan pembangunan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan/Akaun Amanah Awam, pengurusan terimaan, pengurusan aset, pengurusan liabiliti serta sumber-sumber lain yang berkaitan dengan menjalankan fungsi minimum PTJ.

2.8 Pejabat Pemungut

Selaras dengan AP3, Pejabat Pemungut adalah merujuk kepada pejabat yang bertanggungjawab menerima wang daripada pelanggan bagi pihak Kerajaan berdasarkan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

2.8.1 Pejabat Pemungut Utama

Pejabat Pemungut yang menerima, mengakaun dan memasukkan terimaan ke bank termasuk terimaan dari Pejabat Pemungut Kecil.

2.8.2 Pejabat Pemungut Kecil

Pejabat Pemungut Kecil yang menerima kutipan sahaja dan menyerahkan kutipan kepada Pejabat Pemungut Utama.

2.8.3 Pejabat Pemungut Maya

Unit Kumpulan PTJ dan PTJ dalam baris caj yang diwujudkan bagi memperakaunkan dan melaksanakan terimaan untuk tujuan pelaporan.

2.8.4 Pejabat Pemungut Manual

Merujuk kepada Pejabat Pemungut yang tidak mempunyai kemudahan infrastruktur untuk instalasi [iGFMAS](#).

2.9 Pusat Kos

Unit Kumpulan PTJ dan PTJ dalam baris caj yang diwujudkan bagi memperakaunkan perbelanjaan untuk tujuan pelaporan dan melaksanakan sebahagian fungsi PTJ.

2.10 Agensi Kerajaan

Agensi Kerajaan merujuk kepada Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam Negeri.

2.11 Pegawai Perakaunan

2.11.1 Setiap pegawai awam yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] iaitu:

- (1) memungut, menerima atau mengakaun atau yang sebenarnya memungut, menerima atau mengakaun terimaan [Wang Awam](#); atau
- (2) membelanja/membayar atau yang sebenarnya membelanja/membayar atau mengakaun perbelanjaan Wang Awam; atau
- (3) menerima, menyimpan, mengeluarkan, melupus, atau mengakaun Aset Awam atau yang sebenarnya menerima, memegang, mengeluarkan atau melupus Aset Awam kecuali pemilikan dan pelupusan tanah Persekutuan dan Negeri.

2.11.2 Pegawai Perakaunan bertanggungjawab mengakaun semua transaksi kewangan dengan teratur dan tepat selaras dengan piawaian perakaunan sektor awam, Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan yang berkuat kuasa.

2.11.3 Selaras dengan AP9, Pegawai Perakaunan adalah seorang pegawai yang ada urusan berkenaan dengan Wang Awam atau Aset Awam, adalah seorang Pegawai Perakaunan dalam erti seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]. Istilah ini hendaklah dipakai bagi

Ketua Jabatan atau bagi pegawai bawahannya apabila mereka menguruskan Wang Awam atau Aset Awam, sebagaimana juga dipakai bagi Akauntan dan Pegawai Kewangan.

2.12 Pejabat Perakaunan (Accounting Offices - AO)

Bahagian Akaun Kementerian dan Jabatan Akauntan Negara Negeri/ Cawangan bagi Kerajaan Persekutuan manakala bagi Kerajaan Negeri yang merujuk kepada pejabat Bendahari Negeri/Akauntan Negeri.

2.13 Akaun Bank Kerajaan

Akaun Kerajaan di bank dan institusi kewangan yang diluluskan oleh Perbendaharaan atau Pihak Berkuasa Kewangan Negeri selaras dengan AP3.

Selaras dengan seksyen 5 Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] dan AP140A, pembukaan Akaun Bank Kerajaan hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Perbendaharaan melalui Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Permohonan pembukaan akaun hendaklah dikemukakan melalui Bahagian Akaun, Kementerian.

2.14 Aset Kerajaan

Terdiri daripada Aset Awam dan Wang Awam yang dimiliki atau dikawal masing-masing oleh Persekutuan atau Negeri.

2.15 Wang Awam

Pengertian seperti di bawah seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] dan termasuklah wang tunai dan kesetaraan tunai serta semua instrumen kewangan Kerajaan.

3. PENGURUSAN TERIMAAN

3.1 Hasil

Selaras dengan AP149A(a), [Pegawai Pengawal](#) hendaklah memastikan hasil yang merangkumi Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Pelbagai Terimaan dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan diperakaunkan, direkod dan dikelaskan dengan betul sepertimana penetapan dasar perakaunan berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

3.2 Akaun Belum Terima (ABT)

Selaras dengan AP3, Akaun Belum Terima (ABT) adalah amaun yang sepatutnya diterima tetapi belum diterima oleh Kerajaan yang wujud daripada peristiwa lalu berasaskan kepada bil atau melalui dasar, perjanjian atau keputusan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3.2.1 Pengiktirafan

ABT diiktiraf apabila berlakunya peristiwa lampau yang memberi hak kepada Kerajaan melalui apa-apa kontrak dengan sesuatu entiti untuk menerima tunai atau aset kewangan. Tarikh pengiktirafan ABT adalah berdasarkan tarikh dokumen asal seperti bil/invois/surat tuntutan atau melalui dasar, perjanjian atau keputusan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3.2.2 Akaun Kawalan

Rekod yang digunakan untuk mencatat jumlah keseluruhan amaun yang sepatutnya diterima dan amaun yang telah diterima.

3.2.3 Akaun Subsidiari

Akaun Subsidiari Akaun Belum Terima adalah ABT yang diselenggarakan bagi menunjukkan jumlah amaun yang sepatutnya diterima dan amaun yang telah diterima daripada individu/entiti bagi menyokong Akaun Kawalan ABT.

3.2.4 Tunggakan (Overdue)

Amaun ABT yang belum diterima melampaui tempoh yang telah ditetapkan.

3.2.5 Pengiktirafan Tunggakan

Pengiktirafan tunggakan adalah ABT yang melangkaui tarikh jadual pembayaran yang ditetapkan.

3.2.6 Penjejasan Nilai

Anggaran yang dibuat bagi memperuntukkan amaun ABT yang mungkin tidak dapat dikutip berdasarkan peraturan.

3.2.7 Penjejasan Nilai Berkumpul (Accumulated Impairment)

Anggaran yang dibuat bagi memperuntukkan sejumlah amaun ABT yang mungkin tidak dapat dikutip berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa dan pengiraan seperti di Manual Operasi Perakaunan Akruan (MOPA).

3.2.8 Hutang Lapuk (Bad Debts)

ABT yang tidak dapat dituntut dan yang telah diluluskan hapus kira mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

3.2.9 Hutang Lapuk Terpulih (Bad Debts Recovered)

Terimaan bagi ABT yang telah dihapus kira. Tatacara memperakaunkan terimaan tersebut hendaklah mengikut prosedur terimaan yang berkuat kuasa.

3.2.10 Hapus Kira

Pelupusan ABT yang telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Setiausaha Perbendaharaan sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3.3 Cek Tak Laku (CTL)

Cek/draf bank/kiriman wang yang diterima oleh Kerajaan bagi maksud sesuatu akaun Hasil/Amanah/Vot yang pada asalnya telah dimasukkan ke dalam [Akaun Bank Kerajaan](#) oleh Pejabat Pemungut tetapi dikembalikan/ditolak oleh pihak bank melalui AO atas sebab-sebab tertentu.

3.4 Kadar Pertukaran Mata Wang Asing, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Kadar pertukaran yang dikeluarkan oleh JANM dari semasa ke semasa berasaskan kadar yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia untuk kegunaan semua Jabatan Persekutuan dan Negeri serta Ketua Perwakilan Malaysia di luar negeri.

3.5 Kehilangan

Selaras dengan AP3, kehilangan adalah merujuk kepada kehilangan [Aset Kerajaan](#) disebabkan oleh kecurian, kebakaran, kemalangan, bencana alam, kesusutan, penipuan atau kecuaian pegawai, kekurangan, bayaran terlebih, pembayaran tanpa kuasa, hutang dan hasil yang gagal dikutip serta perbelanjaan yang sia-sia.

4. SISTEM BERKAITAN PENGURUSAN TERIMAAN

4.1 *Integrated Government Financial Management and Accounting System (iGFMAS)*

Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Bersepadu Kerajaan Persekutuan yang berupaya menjana Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan berasaskan akruan dan tunai ubahsuai.

4.2 Sistem iPayment

iPayment atau Sistem Terimaan Elektronik Kerajaan Persekutuan merupakan sistem terimaan elektronik bersepadu yang dibangunkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) untuk digunakan oleh Kementerian/Jabatan Persekutuan.

4.3 **Sistem E-Resit**

Sistem sendiri (stand alone) yang menjana Resit Rasmi Elektronik (Kew.38E) bagi menggantikan penggunaan Resit. Kew.38 (manual) dalam situasi tertentu berdasarkan pertimbangan dan kelulusan daripada Ketua Akauntan Kementerian masing-masing.

4.4 **Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN)**

Sistem pengurusan kewangan dan perakaunan berkomputer berasaskan Akruan bagi agensi Kerajaan di luar negeri.

4.5 **Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS)**

Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri yang digunakan oleh 11 Kerajaan Negeri. Maklumat Penerima Bayaran dikunci masuk oleh Bendahari Negeri berdasarkan dokumen yang sah dari Penerima Bayaran.

4.6 **Sistem Terimaan Kementerian/Jabatan**

Sistem pengurusan terimaan yang dibangunkan secara elektronik bagi tujuan memungut [Wang Awam](#) dan mengeluarkan Resit Rasmi yang dibangunkan oleh Kementerian/Jabatan dan diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

4.7 **Persekitaran Pengurusan Transaksi Bayaran, Terimaan, Amanah dan Deposit**

4.7.1 **Persekitaran Elektronik Sepenuhnya**

- (1) Merujuk kepada PTJ dan AO yang menggunakan sistem perakaunan yang sama dari mula proses kemasukan data perakaunan hingga kepada penyediaan laporan dilakukan sepenuhnya dalam satu (1) sistem.
- (2) Baki di AO dan PTJ merujuk kepada laporan yang sama kerana transaksi perakaunan dilakukan dalam satu (1) server dan dikemas kini pada masa nyata (real time).
- (3) PTJ dan AO boleh terus mengakses laporan yang sama pada bila-bila masa, harian atau bulanan.
- (4) Persekitaran elektronik sepenuhnya juga dirujuk sebagai persekitaran elektronik bersepadu dalam Arahan Perbendaharaan (AP).

4.7.2 **Elektronik dan Sistem Bayaran/Terimaan Kementerian/Jabatan (Integrasi/Tidak Berintegrasi)**

- (1) PTJ yang menggunakan Sistem Terimaan Kementerian/Jabatan sama ada dalam keadaan sistem Kementerian/Jabatan berintegrasi atau tidak berintegrasi dengan [iGFMAS](#);
- (2) AO menggunakan iGFMAS; dan
- (3) PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan iGFMAS dan laporan Sistem Terimaan Kementerian/Jabatan adalah tepat dan betul.

4.7.3 **Separa Elektronik**

- (1) PTJ yang menggunakan iGFMAS bagi transaksi terimaan, pembayaran, perakaunan dan laporan.
- (2) Walau bagaimanapun, terdapat laporan yang perlu disediakan secara manual seperti Buku Lejar Utama Akaun Deposit dan Buku Lejar Kecil (Subsidiari) Akaun Deposit.

5. **PENGURUSAN TERIMAAN SECARA ELEKTRONIK (TANPA TUNAI)**

5.1 **Terimaan Kerajaan Secara Elektronik (Tanpa Tunai)**

Merupakan kaedah pembayaran kepada Kerajaan secara elektronik dengan menggunakan mod terimaan/cara bayaran tanpa tunai seperti kad debit, pindahan dana elektronik ([Electronic Fund Transfer - EFT](#)), [E-dompet](#), JomPAY, kad kredit, kad caj *American Express* (Amex) yang ditawarkan oleh institusi kewangan (bank) atau penyedia perkhidmatan (bukan bank) dan mod terimaan/cara bayaran lain yang diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dari semasa ke semasa.

5.2 **Terminal Kad Pembayaran [Point-of-Sale (T-POS)]**

Merupakan peranti untuk memproses pembayaran menggunakan kad atau E-dompet. Terminal POS merupakan terminal elektronik yang membenarkan pendebitan Akaun Kad Pembayaran Pelanggan yang juga dirujuk sebagai Terminal *Electronic Data Capture* (EDC).

5.3 **Portal/Aplikasi Mudah Alih (Mobile App) Kementerian/Jabatan**

Portal Kementerian/Jabatan merupakan laman web interaktif Kementerian/Jabatan di mana pelanggan boleh berurusan secara dalam talian bagi mendapatkan barangan dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan.

Aplikasi mudah alih (mobile app) Kementerian/Jabatan ialah sejenis perisian yang direka khusus untuk digunakan pada peranti mudah alih di mana ianya perlulah sama sepenuhnya (mirroring) kepada portal Kementerian/Jabatan.

5.4 Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih

Merupakan pembayaran melalui portal bank atau aplikasi bank bagi urusan Kerajaan dengan menggunakan peranti pintar atau aplikasi di telefon pintar.

5.5 Dompot Digital [E-dompot (E-wallet)]

Merupakan satu kaedah pembayaran elektronik berfungsi seperti akaun bank, wang simpanan, kad debit atau kredit dalam satu rangkaian dengan menggunakan aplikasi di telefon pintar, peranti pintar atau laman sesawang.

5.6 Pindahan Dana Elektronik [Electronic Fund Transfer (EFT)]

Terimaan menggunakan kaedah pindahan terus ke dalam Akaun Terimaan Utama AO selaras dengan Garis Panduan Pengurusan Terimaan Secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) ke Akaun Terimaan Pejabat Perakaunan yang berkuat kuasa.

5.7 Pindahan Telegraf [Telegraphic Transfer (TT)]

Terimaan dari luar negeri menggunakan kaedah pindahan terus ke dalam Akaun Terimaan Utama AO.

5.8 *Acquiring Bank* (AB)

Bank yang dilantik oleh Kerajaan bagi menguruskan terimaan Kerajaan secara elektronik (tanpa tunai).

5.9 ID Korporat Terimaan

Nombor rujukan unik bagi mengenal pasti transaksi pindahan wang dari *Acquiring Bank* (AB)/bank yang dilantik oleh penyedia perkhidmatan (bukan bank)/bank yang dilantik oleh Ejen Pemungut Kerajaan ke Akaun Terimaan Utama AO.

5.10 *Settlement Function*

Proses penyaluran maklumat transaksi harian dari Terminal Kad Pembayaran [Point-Of-Sale (T-POS)] oleh Pejabat Pemungut ke *Acquiring Bank* (AB).

5.11 Notifikasi Pindahan Wang (NPW)

Makluman pindahan wang oleh bank dari Akaun Terimaan Kecil Perbendaharaan ke Akaun Terimaan Utama AO. Maklumat ini boleh diakses melalui portal bank AB.

5.12 Laporan Ringkasan Pindahan Wang (LRPW)

Menyenaraikan transaksi terimaan yang dikreditkan ke akaun bank utama AO oleh penyedia perkhidmatan (bukan bank).

5.13 Laporan Urus Niaga Harian (LUH)

Laporan Urus niaga Harian (LUH) bagi transaksi terimaan yang dijana daripada sistem bank/*Acquiring Bank* (AB)/Ejen Pemungut Kerajaan.

5.14 Laporan Jurnal Urus Niaga Harian (LJUH)

Laporan Jurnal Urus niaga Harian (LJUH) yang dikeluarkan oleh Terminal Kad Pembayaran [Point-Of-Sale (T-POS)], selepas *Settlement Function* dilaksanakan.

5.15 Laporan Terimaan Harian (LTH)

Laporan Terimaan Harian (LTH) bagi transaksi terimaan yang dijana daripada Portal/Sistem Terimaan Kementerian/Jabatan.

5.16 Laporan Penyelesaian Harian (LPH)/*Merchant Daily Settlement Report*

Laporan Penyelesaian Harian (LPH) bagi transaksi terimaan yang dijana daripada sistem penyedia perkhidmatan (bukan bank).

5.17 Penyata Bank Harian (PBH)

Menyenaraikan transaksi terimaan yang dikreditkan ke Akaun Terimaan Kecil Perbendaharaan dan juga transaksi pindahan wang yang didebitkan dari Akaun Terimaan Kecil Perbendaharaan yang boleh diakses melalui portal bank.

6. DOKUMEN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Dokumen kewangan dan perakaunan yang berkaitan dengan terimaan Kerajaan hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PS 4.1 Garis Panduan Permohonan Borang Kewangan Kerajaan.

6.1 Invois

Invois merupakan dokumen kewangan yang dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan kepada pelanggan/Akaun Belum Terima (ABT) bagi terimaan bayaran balik perbelanjaan pegawai awam yang mengandungi maklumat-maklumat jualan/perkhidmatan yang diberikan seperti terma pembayaran, deskripsi jualan/perkhidmatan, kuantiti, amaun dan lain-lain yang telah disempurnakan. Jenis-jenis Invois terimaan adalah:

6.1.1 **Invois – AM115E 01-Pin. 1/23: Tanpa Ruang Cukai**
Invois – AM115E 04-Pin. 1/23: Dengan Ruang Cukai

Dokumen Kewangan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Pelanggan untuk menuntut bayaran atas perkhidmatan/barang/kerja yang telah disempurnakan.

6.1.2 **Nota Debit – AM115E 02-Pin. 1/23: Tanpa Ruang Cukai**
Nota Debit – AM115E 05-Pin. 1/23: Dengan Ruang Cukai

Dokumen Kewangan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Pelanggan sekiranya terdapat tambahan kepada amaun Invois asal.

6.1.3 **Nota Kredit – AM115E 03-Pin. 1/23: Tanpa Ruang Cukai**
Nota Kredit – AM115E 06-Pin. 1/23: Dengan Ruang Cukai

Dokumen Kewangan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Pelanggan sekiranya terdapat pengurangan daripada amaun Invois asal.

6.2 **Resit Rasmi**

Selaras dengan AP3, Resit Rasmi adalah sebarang bentuk akuan terimaan wang daripada orang awam termasuk dalam bentuk lesen, tiket, borang yang mana amaun bayaran tetap ditulis atau dicetak padanya atau melalui media elektronik.

6.3 **Penyata Pemungut**

Dokumen kewangan yang disediakan apabila terimaan hendak dimasukkan ke dalam Akaun Bank Kerajaan selaras dengan AP79(a) dan jika melibatkan mod terimaan/cara bayaran cek/kiriman wang/draf bank, nombor dan nilai setiap satunya hendaklah ditunjukkan pada Penyata Pemungut itu.

Walau bagaimanapun, bagi semua jenis terimaan secara elektronik yang diakaunkan terus ke dalam Akaun Bank Kerajaan, Penyata Pemungut hendaklah disediakan berdasarkan amaun dan maklumat transaksi.

6.3.1 **Penyata Pemungut Auto (Kew.305E - Pind.1/2016)**

Disediakan melalui [iGFMS](#) bagi Resit Rasmi (Kew.38E01Pin.1/2021) yang ditarik secara auto di dalam iGFMS.

6.3.2 **Penyata Pemungut Offline (Kew.305E - Pind.1/2016)**

Disediakan melalui iGFMS dan pengguna boleh mengemas kini nombor slip bank.

6.3.3 Penyata Pemungut Online (Kew.305i - Pind.1/2016)

Disediakan melalui iGFMAS bagi terimaan melalui sistem Agensi/Ejen Pemungut Kerajaan/Portal/Perbankan Internet.

6.3.4 Penyata Pemungut Manual (Kew.305 - Pind.1/2016)

Penyata Pemungut yang tidak dijana melalui sistem dan disediakan secara manual. Penyata Pemungut ini boleh digunakan sekiranya terdapat gangguan sistem atau keperluan khas lain. Kelulusan Pejabat Perakaunan hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum Penyata Pemungut Manual disediakan.

Penyata Pemungut hanya boleh dibatalkan sekiranya kutipan masih belum dibankkan. Dalam persekitaran elektronik, pembatalan Penyata Pemungut hendaklah dibuat melalui Baucar Jurnal. Rujuk MPK-AR07 Penyata Pemungut dan MPK-AR08 Baucar Jurnal.

6.4 Baucar

6.4.1 Arahan Pembayaran

Dokumen kewangan (Kew.330E/330) yang diperakukan oleh PTJ kepada AO untuk membuat bayaran. Dokumen ini disokong dengan butir-butir penuh mengenai setiap tuntutan, pendahuluan, perolehan bekalan/perkhidmatan atau kerja yang telah disempurnakan. Arahan Pembayaran hendaklah disediakan oleh PTJ Pembayar.

6.4.2 Baucar Jurnal (Kew.306E/306)

Dokumen kewangan (Kew.306E/306) yang disediakan untuk melaraskan transaksi perakaunan. Baucar Jurnal berkaitan pengurusan terimaan Kerajaan adalah merangkumi:

- (1) Batal Invois
- (2) Batal Nota Debit
- (3) Batal Nota Kredit
- (4) Batal Resit Rasmi Kew.38E
- (5) Batal Penyata Pemungut Kew.305E
- (6) Pelarasan Cek Tak Laku
- (7) Pelarasan Antara Penghutang
- (8) Akruan
- (9) Penjejasan Nilai
- (10) Hapus Kira
- (11) Pelarasan

7. TERMA-TERMA LAIN

7.1 Automasi Pintar (Intelligent Automation - IA)

Teknologi automasi yang digunakan untuk menambah baik proses pembuatan keputusan. Contoh automasi pintar adalah Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI), Automasi Proses Robotik (Robotic Process Automation - RPA) dan Pembelajaran Mesin (Machine Learning - ML).

7.2 Struktur Kod Perakaunan

7.2.1 Selaras dengan AP141, pengelasan dan perekodan transaksi kewangan yang melibatkan hasil dan belanja hendaklah menggunakan penjenisan dan struktur kod perakaunan yang diluluskan oleh Akauntan Negara melalui SPANM Struktur Kod Perakaunan yang berkuat kuasa.

7.2.2 Selaras dengan AP41(b), kod penjenisan hasil dan perbelanjaan baharu tidak boleh diwujudkan kecuali dengan kelulusan Akauntan Negara/Bendahari Negeri. Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi kod penjenisan hasil dan perbelanjaan yang telah diluluskan.

7.3 Tandatangan Digital

Tandatangan Digital pada dokumen kewangan selaras dengan seksyen 43, 62, 64, 65, 66 dan 83 Akta Tandatangan Digital 1997 [Akta 562] melalui Peranti/Alat Tandatangan Digital.

7.4 Peranti/Alat Tandatangan Digital

Selaras dengan AP70(c), dalam persekitaran elektronik di mana peranti/alat tandatangan digital digunakan, pengguna hendaklah menyimpan selamat peranti/alat tersebut dan tidak boleh sama sekali memberikan peranti/alat tersebut kepada orang lain.

Setiap pemilik peranti/alat tandatangan digital adalah bertanggungjawab merahsia dan menjaga *Personal Identification Number* (PIN)/bentuk pengesahan yang lain serta menyimpan peranti/alat tandatangan digital di tempat yang selamat.



**LAMPIRAN B:
GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN**

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
2025**

1. PENGENALAN

- 1.1 Garis panduan ini menerangkan tanggungjawab Kementerian/Jabatan dan Pejabat Perakaunan (AO) dalam melaksanakan pengurusan terimaan bagi memastikan transaksi terimaan diperakaunkan dengan tepat dan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 1.2 Selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 96, tiada apa-apa terimaan boleh dipungut kecuali mendapat kelulusan di bawah kuasa Undang-Undang Persekutuan.
- 1.3 Perlembagaan Persekutuan Perkara 97 menetapkan semua terimaan kecuali zakat, fitrah dan baitulmal atau hasil-hasil lain agama Islam yang seumpamanya hendaklah diperakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.
- 1.4 Semua terimaan hendaklah diperakaunkan mengikut jumlah kasar terimaan iaitu tiada potongan atau ambilan yang boleh dibuat melainkan mendapat kelulusan/arahan khas daripada Perbendaharaan (AP83).
- 1.5 Garis panduan ini mengandungi lampiran seperti berikut:

(1)	Format Daftar Borang Hasil (Kew.67)	Lampiran B1a
(2)	Contoh Daftar Borang Hasil (Kew.67) Yang Telah Dilengkapkan	Lampiran B1b
(3)	Format Penyata Mengenai Borang Hasil Yang Dikawal (Kew.68)	Lampiran B2 (Sebelum ini dikenali sebagai Lampiran N dalam Arahan Perbendaharaan)
(4)	Format Laporan Buku Tunai Cerakinan	Lampiran B3

2. KATEGORI HASIL

- 2.1 Selaras dengan AP149A(a), [Pegawai Pengawal](#) hendaklah memastikan hasil yang merangkumi Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Pelbagai Terimaan dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan diperakaunkan, direkod dan dikelaskan dengan betul sepertimana penetapan dasar perakaunan berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.
- 2.2 Hasil merupakan aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diterima dan belum terima oleh sesuatu entiti, yang menunjukkan peningkatan dalam aset bersih/ekuiti.
- 2.3 Hasil Cukai merupakan hasil yang dikutip atas harta atau pendapatan individu, perbadanan, perkongsian dan syarikat menurut undang-undang dan/atau peraturan yang berkaitan.

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN

- 2.4 Hasil Bukan Cukai merupakan hasil selain daripada cukai seperti hasil jualan barang dan perkhidmatan, hasil dari pelaburan, bayaran denda dan hukuman, sumbangan daripada [Agensi Kerajaan](#)/perusahaan dan Pelbagai Terimaan dan Pindahan.
- 2.5 Pelbagai Terimaan dan Pindahan merupakan pulangan balik perbelanjaan termasuk terimaan daripada Kumpulan Wang Amanah yang berlebihan, kredit antara Jabatan, pulangan balik bayaran yang lebih/tersilap dalam tahun kewangan yang lalu dan juga termasuk terimaan daripada agensi Kerajaan yang lain.
- 2.6 Hasil Wilayah Persekutuan terdiri daripada hasil cukai dan hasil bukan cukai yang dipungut oleh/bagi pihak Wilayah Persekutuan sahaja termasuk Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.
- 2.7 Pelaporan hasil di bawah dua (2) Kelas Akaun yang berasingan adalah selaras dengan MPSAS 23 bagi Hasil Daripada Urus niaga Bukan Pertukaran dan MPSAS 9 bagi Hasil Daripada Urus niaga Pertukaran.
- 2.8 Terimaan Kerajaan hendaklah diperakaunkan mengikut [Carta Akaun Asas Akruan \(CAA\)](#) selaras dengan SPANM Carta Akaun Asas Akruan yang berkuat kuasa.

3. PENETAPAN KUASA DAN TUGAS SERTA KEBENARAN KHUSUS SECARA BERTULIS

- 3.1 Selaras dengan AP53, [Pegawai Pengawal](#) bertanggungjawab untuk melaksanakan kewajipan kewangan Kementerian/Jabatan masing-masing dengan sempurna. Tanggungjawab tersebut adalah bagi memungut dengan sewajarnya segala Wang Awam yang patut diterima, menyimpannya dengan selamat serta bertanggungjawab sekiranya akaun yang dikemukakan oleh mereka atau di bawah kuasa mereka didapati tidak betul. **Penetapan Kuasa dan Tugas kepada [Pegawai Perakaunan](#) di bawah kawalannya hendaklah dibuat secara bertulis.** Walau bagaimanapun, penetapan kuasa yang dibuat tidak melepaskan Pegawai Pengawal daripada tanggungjawab itu.
- 3.2 Selaras dengan AP53A, Pegawai Pengawal selaku Pegawai Perakaunan ketika melaksanakan tanggungjawab kewangan hendaklah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan, arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa, piawaian perakaunan sektor awam dan peraturan yang berkuat kuasa.

- 3.3 Selaras dengan AP53B, [Pegawai Perakaunan](#) yang menerima penetapan kuasa dan tugas adalah bertanggungjawab termasuk untuk membayar balik apa-apa kerugian atau kekurangan terimaan dan bayaran [Wang Awam](#) di bawah kawalan atau simpanannya sekiranya didapati kerugian atau kekurangan terimaan itu adalah disebabkan oleh kegagalan dan kecuaiian Pegawai Perakaunan itu sendiri.
- 3.4 Selaras dengan AP9, Pegawai Perakaunan adalah seorang pegawai yang ada urusan berkenaan dengan [Wang Awam](#) atau Aset Awam, adalah seorang Pegawai Perakaunan dalam erti seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Istilah ini hendaklah dipakai bagi Ketua Jabatan atau bagi pegawai bawahannya apabila mereka menguruskan Wang Awam atau Aset Awam, sebagaimana juga dipakai bagi Akauntan dan Pegawai Kewangan.
- 3.5 Selaras dengan AP69, seorang pegawai yang ada urusan berkenaan dengan Wang Awam atau Aset Awam adalah seorang Pegawai Perakaunan dalam erti seksyen 3, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Istilah ini hendaklah dipakai bagi [Ketua Jabatan](#) atau bagi pegawai bawahannya yang paling rendah, apabila mereka menguruskan Wang Awam atau Aset Awam, sebagaimana juga dipakai bagi Akauntan dan Pegawai Kewangan.

Pegawai awam tidak boleh menerima Wang Awam dalam apa jua bentuk terimaan kecuali setelah diberi [Kebenaran Khusus Secara Bertulis](#) oleh [Pemungut](#) untuk berbuat demikian. Pemungut hendaklah menyelenggara suatu rekod mengenai kebenaran yang telah diberikan.

- 3.6 Penetapan Kuasa dan Tugas serta Kebenaran Khusus Secara Bertulis kepada pegawai yang menjalankan tugas kewangan dan perakaunan hendaklah mematuhi AP9, AP53, AP11 dan SPANM Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal Kepada Pegawai Perakaunan Di Bawah Kawalannya yang berkuat kuasa.
- 3.7 PTJ bertanggungjawab memastikan maklumat dan peranan capaian pegawai dikemas kini/dibatalkan apabila pegawai telah bertukar/meletak jawatan/bersara/tamat perkhidmatan atau sebab-sebab lain yang berkaitan.
- 3.8 **Laporan Capaian Pengguna dan Had Kuasa Pusat Tanggungjawab** hendaklah disemak dan disahkan oleh PTJ bagi memastikan maklumat capaian pengguna adalah tepat dan menyenaraikan **pengguna aktif** sahaja serta mematuhi Jadual Penetapan Kuasa dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya dan Jadual Kebenaran Khusus Secara Bertulis oleh Ketua Jabatan/Pemegang Waran Peruntukan.

3.9 Pengasingan dan Pusingan Tugas

3.9.1 Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PS 6.1 Garis Panduan Penubuhan Dan Penutupan Pusat Tanggungjawab dan Pejabat Pemungut, Pegawai Pengawal bertanggungjawab melaksanakan pengasingan tugas yang jelas dalam pengurusan kewangan dan perakaunan bagi tujuan kawalan dalaman.

3.9.2 Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan yang berkuat kuasa, Pegawai Pengawal bertanggungjawab menetapkan/merancang dan melaksanakan pusingan tugas. Pusingan tugas dapat membantu memperkaya dan memperluaskan tugas (job enrichment and job enlargement) kepada pegawai, peningkatan produktiviti pegawai, menambah serta mempelbagaikan pengalaman, pendedahan dan proses pembelajaran di kalangan pegawai dan mencegah sebarang kemungkinan berlakunya penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

3.9.3 Pengasingan dan pusingan tugas hendaklah dilaksanakan bagi meningkatkan tahap integriti dan ketelusan proses terimaan seperti berikut:

- (1) AP69 – Kebenaran Bertulis Untuk Menerima Wang Awam;
- (2) AP65(c), AP65(d) dan AP70(b) - Kebenaran menggunakan sistem/resit bermesin;
- (3) AP70(a) – Pengeluaran Resit Rasmi;

Selaras dengan AP70(a), Resit Rasmi mestilah ditulis oleh pegawai yang menerima wang dalam apa jua bentuk terimaan dan ditandatangani oleh seorang pegawai lain.

Pengecualian arahan ini dibenarkan hanya jika:

- (a) Resit Rasmi dikeluarkan dengan menggunakan sistem terimaan bermesin atau elektronik yang diluluskan oleh Akauntan Negara atau Pegawai Kewangan Negeri;
- (b) suatu bayaran tetap ada tercetak pada Resit Rasmi;
- (c) seseorang pegawai dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya oleh [Pemungut](#) dengan kewajiban membuat pungutan luar atau pungutan yang seumpamanya dalam keadaan di mana ia bekerja seorang diri dengan syarat penyeliaan rapi dibuat oleh penyelia/pegawai atasan; atau

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN

- (d) tiada seorang pegawai lain dan kebenaran khusus telah diperoleh terlebih dahulu daripada Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/Akauntan Negeri.

(4) AP70(b) - Kawalan Mesin Beresit

Kunci bagi mesin yang diluluskan menurut AP70(a)(i) jika ada, hendaklah disimpan oleh Pemungut sendiri atau oleh seorang pegawai kanan selain operator mesin itu atau pegawai yang menerima pungutan. Jika sistem bermesin atau elektronik digunakan, kata laluan dan kata pengenalan hendaklah:

- (a) dirahsiakan;
- (b) ditukar secara berkala; dan
- (c) ditukar jika berlaku pertukaran pegawai.

Kata laluan dan kata pengenalan juga hendaklah ditukar sekiranya berlaku pencerobohan/penggodaman sistem.

(5) AP73 dan AP80(b) – Kebenaran Merekod Terimaan dan Menyemak Buku Tunai

- (a) Selaras dengan AP73, semua terimaan hendaklah direkodkan ke dalam Buku Tunai oleh seorang pegawai yang lain selain pegawai yang menerima terimaan, kecuali jika:

- (i) seseorang pegawai lain tidak ada dan kebenaran khusus telah diperoleh terlebih dahulu daripada Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/Akauntan Negeri; atau
- (ii) sistem terimaan bermesin atau elektronik berupaya menjanakan Buku Tunai.

- (b) Selaras dengan AP80(b), Pemungut bertanggungjawab untuk memastikan semua akaun adalah betul. Bagi tujuan ini, Pemungut atau wakilnya iaitu pegawai yang menerima Penetapan Kuasa dan Tugas serta Kebenaran Khusus Secara Bertulis hendaklah membuat pemeriksaan dan semakan setiap hari ke atas semua catatan yang dibuat dalam buku Resit Rasmi, Buku Tunai dan buku akaun yang lain atau laporan yang dijana secara elektronik.

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN

Pegawai yang diwakilkan mestilah bukan pegawai yang membuat catatan atau transaksi itu. Pegawai yang menyemak hendaklah menandatangani ringkas dan mencatat tarikh di tempat setakat mana buku atau laporan yang dijana secara elektronik itu telah disemak.

- (c) Sebagai kawalan, Buku Tunai Elektronik hendaklah disemak secara harian dan bulanan dengan menyelenggara Daftar Semakan Harian Laporan Kewangan dan Perakaunan - Terimaan (Laporan Buku Tunai Cerakinan) [\[Lampiran H2a\]](#) dan Daftar Semakan Bulanan Laporan Kewangan dan Perakaunan - Terimaan [\[Lampiran H3b\]](#) bagi tujuan berikut:
 - (i) memastikan kod dana dan kod akaun diperakaunkan adalah tepat;
 - (ii) pemantauan dan tindakan diambil ke atas Invois/ ABT/Resit Rasmi/Penyata Pemungut telah selesai diperakaunkan dan diambil tindakan; dan
 - (iii) proses terimaan dibuat dengan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.
 - (d) Selain itu, semakan ini adalah selaras dengan tanggungjawab [Ketua Jabatan](#) bagi mewujudkan kawalan dalaman yang berkesan serta membuat pemantauan untuk memastikan pengurusan kewangan dan perakaunan PTJ berada pada tahap tadbir urus terbaik dan mengurangkan risiko berlakunya penyelewengan, ketirisan dan kehilangan aset dan Wang Awam.
- (6) AP62(b) – Kebenaran Membatalkan [Resit Rasmi](#):
- (a) tindakan meminda suatu Resit Rasmi adalah dilarang. Resit Rasmi hanya boleh dibatalkan oleh pegawai yang diberi Penetapan Kuasa dan Tugas serta [Kebenaran Khusus Secara Bertulis](#) dan merupakan pegawai selain daripada pegawai yang menulis/mengeluarkan Resit Rasmi tersebut.
 - (b) dalam persekitaran iGFMAS, pembatalan Resit Rasmi Kew.38E asal hendaklah dibuat melalui Baucar Jurnal. Penyedia Baucar Jurnal Pembatalan Resit Rasmi asal hendaklah **berbeza** dengan pegawai yang mengeluarkan Resit Rasmi asal.

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN

- (7) Kebenaran kepada Peraku I dan Peraku II Penyata Pemungut.

Pegawai yang menjalankan tugas Peraku I dan Peraku II hendaklah terdiri daripada pegawai yang berlainan bagi mewujudkan pengasingan tugas.

- (8) AP78 dan AP79 – Kebenaran Untuk Memasukkan Terimaan Ke Dalam [Akaun Bank Kerajaan](#);

Pegawai yang menerima Penetapan Kuasa dan Tugas serta Kebenaran Khusus Secara Bertulis sahaja yang dibenarkan untuk memasukkan terimaan ke dalam Akaun Bank Kerajaan.

- (9) AP71(a) – Tanggungjawab Untuk Merekod dan Menyemak Daftar Mel;

Pegawai yang bertanggungjawab membuka mel hendaklah menyelenggara daftar mel untuk merekod terimaan wang dan dokumen atau barang berharga yang diterima melalui pos atau penghantar. Kewajipan ini tidak boleh dijalankan oleh pegawai yang menerima pungutan atau oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi menyediakan Resit Rasmi.

- (10) AP80(a) - Kegagalan Mengakaun Terimaan Hendaklah Dilaporkan

Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/Akauntan Negeri hendaklah melaporkan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri, mengikut mana yang berkenaan, apabila Pemungut tidak mengakaun terimaannya mengikut Arahan Perbendaharaan ini. Daftar hendaklah diselenggara di Perbendaharaan bagi maksud mengetahui jika berlaku kelalaian di pihak Pemungut tentang tanggungjawab mengakaun terimaannya.

- (11) Selaras dengan AP90, jika seseorang [Pegawai Perakaunan](#) tidak memungut atau tidak mengakaun dengan sempurna apa-apa [Wang Awam](#) yang boleh diterima olehnya, maka ia hendaklah dilaporkan oleh Akauntan Negara kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau oleh Bendahari Negeri/Akauntan Negeri kepada Pegawai Kewangan Negeri.

Jika Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/Akauntan Negeri mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa hasil telah tertunggak dengan tidak sepatutnya maka ia hendaklah juga dilaporkan. Pengecualian kepada Arahan ini hanya boleh diberikan kepada Kementerian/Jabatan tertentu yang telah diberi

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN

arahan secara bertulis oleh Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/Akauntan Negeri untuk berbuat demikian.

- 3.10 Penggunaan [Peranti/Alat Tandatangan Digital](#) hendaklah mematuhi seksyen 43, 62, 64, 65, 66 dan 83 Akta Tandatangan Digital 1997 [*Akta 562*] antaranya:
 - 3.10.1 Penggunaan Peranti/Alat Tandatangan Digital perlu dikawal dan tidak disalahgunakan;
 - 3.10.2 Penggunaan Peranti/Alat Tandatangan Digital dan ID pengguna oleh orang lain adalah dilarang; dan
 - 3.10.3 Setiap pemilik Peranti/Alat Tandatangan Digital adalah bertanggungjawab merahsia dan menjaga *Personal Identification Number* (PIN) serta menyimpan Peranti/Alat Tandatangan Digital di tempat yang selamat.
- 3.11 Penggunaan ID dan kata laluan hendaklah mematuhi peraturan berikut:
 - 3.11.1 Penggunaan ID perlu dikawal dan tidak disalahgunakan. Penggunaan ID oleh orang lain adalah dilarang;
 - 3.11.2 Setiap pemilik ID adalah bertanggungjawab merahsia dan menjaga kata laluan dengan selamat; dan
 - 3.11.3 Pastikan dokumen kewangan ditandatangani kecuali dokumen kewangan dicatatkan “Ini adalah cetakan komputer dan tidak perlu ditandatangani”.

4. JENIS PELANGGAN**4.1 Pelanggan Tetap**

Pelanggan yang diwujudkan bagi tujuan pengeluaran Invois atau pelanggan yang kerap berurusan dengan [PTJ/Pejabat Pemungut](#).

4.2 Pelanggan selain daripada Pelanggan Tetap (One Time Customer - OTC)

Merujuk kepada pelanggan selain daripada pelanggan tetap. Maklumat pelanggan perlu dikunci masuk setiap kali Resit Rasmi dikeluarkan. Maklumat PTJ didaftar sebagai jenis pelanggan PTJ di Data Induk Maklumat Pelanggan.

5. PENGELUARAN DAN PENYELENGGARAAN INVOIS

- 5.1 [Invois](#) yang dijana melalui iGFMAS melibatkan transaksi terimaan Kerajaan (Dana Am dan Dana Amanah). Invois juga dikeluarkan bagi transaksi terimaan bayaran balik perbelanjaan.

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN

- 5.2 Invois kepada pelanggan hendaklah dikeluarkan dalam Ringgit Malaysia (RM).
- 5.3 Amaun Invois akan diiktiraf sebagai hasil Kementerian/Jabatan dan direkodkan dalam Akaun Belum Terima (ABT) setelah di Peraku I.
- 5.4 Selaras dengan MPSAS 9 Hasil Daripada Urus niaga Pertukaran, Invois dikeluarkan apabila transaksi jualan/perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan selesai atau tempoh yang ditetapkan bagi pengiktirafan hasil.
- 5.5 Tatacara untuk pengeluaran Invois/Nota Debit/Nota Kredit boleh dirujuk kepada MPK AR-03.
- 5.6 Bagi Kementerian/Jabatan yang mempunyai sistem terimaan sendiri dan mengeluarkan Invois/Nota Debit/Nota Kredit, Baucar Jurnal Akruan hendaklah disediakan bagi mengakaunkan hasil terakru pada setiap hujung bulan untuk tujuan pelaporan. Rujuk MPK-AR 08: Baucar Jurnal.
- 5.7 Pembatalan Invois/Nota Debit/Nota Kredit adalah melalui penyediaan Baucar Jurnal. Pembatalan hanya boleh dilaksanakan sekiranya pembayaran masih belum diterima daripada pelanggan iaitu sebelum Resit Rasmi dikeluarkan.
- 5.8 Bagi tujuan kawalan dan pemantauan, PTJ/Pejabat Pemungut perlu menyemak laporan berikut secara bulanan:
 - 5.8.1 Laporan Invois Terperinci;
 - 5.8.2 Laporan Ringkasan/Terperinci Mengikut Tempoh Usia Hutang; dan
 - 5.8.3 Laporan Dokumen Pelanggan.
- 5.9 PTJ/Pejabat Pemungut yang menggunakan sistem terimaan sendiri bertanggungjawab membuat kawalan dan pemantauan ke atas invois dengan menyemak laporan berkaitan secara bulanan.
- 5.10 Penyelenggaraan daftar kawalan ke atas invois, rujuk [Lampiran G](#): Garis Panduan Penyelenggaraan Akaun Belum Terima (ABT).

6. TERIMAAN BERULANG

- 6.1 Terimaan berulang adalah kemudahan dalam iGFMAS yang disediakan kepada PTJ/Pejabat Pemungut bagi memperakaunkan Hasil dan penghutang dengan amaun yang sama mengikut kekerapan yang telah ditetapkan tanpa penjanaaan dokumen invois dengan rujukan kepada satu (1) dokumen yang telah dipersetujui dengan pelanggan sebagai contoh, kontrak sewa bangunan.

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN

- 6.2 Terimaan berulang yang melibatkan kontrak dengan amaun tetap seperti kontrak sewaan kantin, hendaklah menggunakan kemudahan Dokumen Berulang.
- 6.3 PTJ/Pejabat Pemungut hendaklah mengunci masuk maklumat Terimaan Berulang sepertimana yang termaktub dalam kontrak pada setiap permulaan pelaksanaan sesuatu tempoh kontrak. Rujuk MPK-AR 22: Fungsi Khas.
- 6.4 Sekiranya terdapat caj tambahan seperti penalti, PTJ/Pejabat Pemungut hendaklah mengeluarkan Invois bagi caj tambahan tersebut.
- 6.5 Bagi tujuan kawalan dan pemantauan, PTJ/Pejabat Pemungut perlu menyemak laporan berikut secara bulanan:
 - 6.5.1 Laporan Invois Terperinci; dan
 - 6.5.2 Laporan Ringkasan/Terperinci Mengikut Tempoh Usia Hutang.
 - 6.5.3 Penyelenggaraan daftar kawalan, rujuk [Lampiran G](#): Garis Panduan Penyelenggaraan Akaun Belum Terima (ABT).

7. TERIMAAN TERDAHULU

- 7.1 Sebarang terimaan sebelum perkhidmatan atau barangan diberikan kepada pelanggan hendaklah diperakaunkan sebagai terimaan terdahulu. Terimaan terdahulu ini perlu direkodkan sebagai liabiliti Kerajaan dan tidak boleh diiktiraf sebagai hasil sehingga perkhidmatan atau barangan disempurnakan.
- 7.2 [Resit Rasmi](#) perlu disimpan sebagai dokumen sokongan.
- 7.3 PTJ hendaklah memastikan terimaan terdahulu diselaraskan dengan invois apabila perkhidmatan atau barangan disempurnakan.

8. KAEDAH TERIMAAN KERAJAAN

Terimaan Kerajaan hendaklah menggunakan kaedah terimaan berikut dan tertakluk kepada ketetapan oleh Kerajaan. Terdapat tiga (3) kaedah terimaan Kerajaan iaitu:

8.1 Kutipan Fizikal

Kutipan fizikal adalah terimaan melalui saluran kaunter, mel (pos atau penghantar) atau pungutan luar oleh PTJ/Pejabat Pemungut menggunakan mod terimaan/cara bayaran seperti tunai, draf bank/cek jurubank (banker cheque), kiriman wang dan cek.

8.2 Kutipan Secara Elektronik (Tanpa Tunai)

8.2.1 [Terimaan secara elektronik \(tanpa tunai\)](#) adalah terimaan yang diterima melalui saluran seperti berikut:

Bil.	Saluran	Mod Terimaan/Cara Bayaran
(1)	Kaunter/Kios/Terminal Kad Pembayaran (T-POS)	(1) Kad Debit (tempatan); (2) Kad Kredit (tempatan); (3) Kad Caj <i>American Express</i> (AMEX) (tempatan); dan (4) E-dompet
(2)	Portal/Aplikasi Mudah Alih Kementerian/Jabatan	(1) Pindahan dana daripada Akaun Bank Pembayar (Electronic Fund Transfer - EFT)/ <i>direct debit</i> ; (2) Kad Debit (tempatan); (3) Kad Kredit (tempatan); (4) Kad Caj <i>American Express</i> (AMEX) (tempatan); dan (5) E-dompet
(3)	Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih	(1) Pindahan dana daripada Akaun Bank Pembayar (Electronic Fund Transfer - EFT)/ <i>direct debit</i> ; (2) JomPAY; (3) Kad Debit (tempatan); (4) Kad Kredit (tempatan); dan (5) Kad Caj <i>American Express</i> (AMEX) (tempatan)
(4)	Saluran Terimaan lain	Ejen Pemungut Kerajaan

8.2.2 Terimaan secara elektronik (tanpa tunai) juga merangkumi saluran lain yang diluluskan oleh Kerajaan selaras dengan pekeliling yang berkuat kuasa.

8.2.3 Terimaan secara elektronik (tanpa tunai) hendaklah diutamakan.

8.3 Kutipan Melalui Sistem iPayment

8.3.1 Saluran pembayaran yang ditawarkan oleh [iPayment](#) adalah:

- (1) Portal;
- (2) Kaunter - Terminal Kad Pembayaran [Point-of-Sale (T-POS)];
- (3) Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps); dan
- (4) Saluran pembayaran lain yang diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

8.3.2 Antara mod terimaan/cara bayaran yang ditawarkan oleh iPayment adalah:

- (1) Perbankan Internet;
- (2) Kad Debit, Kad Kredit dan Kad Prabayar;
- (3) Kod QR DuitNow; dan
- (4) E-dompet

8.4 Terimaan Kerajaan ke dalam Akaun Terimaan Utama AO melalui Mesin Deposit Tunai [Cash Deposit Machine (CDM), Mesin Deposit Cek [Cheque Deposit Machine - (CQM)] dan terimaan tunai/cek melalui kaunter bank adalah **tidak dibenarkan**.

9. PENGELUARAN DAN PENYELENGGARAAN RESIT RASMI

9.1 Selaras dengan AP60(a), [Resit Rasmi](#) secara manual atau elektronik mestilah dikeluarkan sebagai akuan terimaan [Wang Awam](#) yang dibayar kepada seseorang pegawai awam.

9.2 Selaras dengan AP60(b), Resit Rasmi mestilah dikeluarkan pada masa urusan dibuat dan jika pembayar hadir sendiri, Resit Rasmi itu mestilah diserahkan kepadanya pada hari yang sama. Apabila Wang Awam diterima melalui pos atau penghantar, Resit Rasmi mestilah disediakan pada hari yang sama dan dihantar kepada pembayar selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya.

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN

- 9.3 Selaras dengan AP60(c), Resit Rasmi tidak akan dikeluarkan bagi pembayaran yang dibuat oleh pegawai awam atau orang awam dengan cara potongan pada baucar melainkan jika sistem perakaunan yang digunakan mengkehendaknya.
- 9.4 Selaras dengan AP60(d), bukti pembayaran secara elektronik yang dicetak daripada paparan portal bank atau ejen pemungut yang dilantik diiktiraf sebagai resit akuan terimaan Wang Awam sekiranya Resit Rasmi tidak dikeluarkan oleh pegawai awam tertakluk kepada sistem yang diluluskan selaras dengan SPANM Tatacara Permohonan Kelulusan Reka Bentuk Sistem Kewangan dan Perakaunan Kementerian/Jabatan Persekutuan yang berkuat kuasa.
- 9.5 Selaras dengan AP61(a), [Pegawai Pengawal](#) bertanggungjawab menentukan supaya orang awam diberitahu mengenai keperluan perkara yang berikut:
- 9.5.1 mendapatkan dan menyemak Resit Rasmi bagi semua wang yang dibayar;
 - 9.5.2 hanya menerima Resit Rasmi yang bercetak dan bernombor atau Resit Rasmi yang dikeluarkan oleh mesin daftar wang atau Resit Rasmi yang dijana secara elektronik; dan
 - 9.5.3 bagi pembayaran melalui cek, Resit Rasmi hanya sah apabila cek ditunaikan oleh bank.
- Pemberitahuan bagi maksud ini hendaklah dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan bahasa lain sekiranya perlu dan dipamerkan di tempat yang mudah dilihat oleh orang awam.
- 9.6 Selaras dengan AP61(b), dalam persekitaran elektronik orang awam hendaklah diberi pilihan untuk mencetak Resit Rasmi asal **atau** mendapatkan maklumat Resit Rasmi secara elektronik:
- 9.6.1 sekiranya pelanggan memilih untuk mendapatkan maklumat Resit Rasmi secara elektronik, notis pemberitahuan mengenai keperluan mencetak/menyimpan akuan terimaan Wang Awam/Resit Rasmi dan peringatan Resit Rasmi asal hanya dicetak **SEKALI** sahaja perlu disediakan; dan
 - 9.6.2 notis pemberitahuan kepada orang awam bagi maksud ini dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan bahasa lain sekiranya perlu hendaklah disediakan dan dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
- 9.7 Resit Rasmi hendaklah dikeluarkan kepada pelanggan melibatkan semua jenis mod terimaan/cara bayaran mengikut persekitaran terimaan.

9.7.1 Jenis Resit Rasmi:

Persekitaran	Jenis Borang Kewangan Dan Perakaunan	
iGFMAS	Resit Rasmi	Kew.38E01Pin.1/2021
iPayment	Resit Rasmi	Kew.38E04 – 2023
	Resit Rasmi (Bayaran Tanpa Bil)	Kew.38E05 – 2023
iSPLN	Resit Rasmi	Kew.38E
iSPEKS	Resit Rasmi	Kew.38E03Pin.1/2021
Sistem Terimaan Kementerian/Jabatan	Resit Rasmi Elektronik (format diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia selaras dengan PP PS 4.1 Kajian Semula Borang-borang Kewangan Kerajaan)	
Manual	Resit Rasmi	Kew.38
Borang Hasil bercetak seperti tiket, setem dan lesen juga boleh dikategorikan sebagai akuan terimaan Wang Awam. (format diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia selaras dengan PP PS 4.1 Garis Panduan Permohonan Borang Kewangan Kerajaan)		

9.7.2 Resit Rasmi Kew.38E/Kew.38 perlu diserahkan kepada pelanggan dan mempunyai butiran seperti berikut:

- (1) Kod Kumpulan PTJ & PTJ;
- (2) Nama pembayar;
- (3) Nombor invois (jika berkaitan);
- (4) Kod akaun;
- (5) Mod terimaan/cara bayaran (sekiranya mod terimaan/cara bayaran selain tunai, catatkan nombor rujukan);
- (6) Perihal terimaan;
- (7) Amaun (angka dan perkataan);
- (8) Tarikh; dan
- (9) ID juruwang/cap nama dan tandatangan.

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN

- 9.7.3 Bagi [Terimaan Secara Elektronik \(Tanpa Tunai\)](#), pastikan Resit Rasmi dicatatkan dengan amaun kasar yang diterima daripada pembayar.
- 9.7.4 Bukti pembayaran melalui Perbankan Mudah Alih yang dicetak dari paparan Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih atau Ejen Pemungut Kerajaan yang dilantik boleh dianggap sebagai akuan terimaan Wang Awam/bukti transaksi pembayaran. Bukti pembayaran tersebut perlu dilengkapi dengan maklumat bayaran dan rujukan unik bagi memudahkan proses semakan dibuat oleh PTJ/Pejabat Pemungut dan pelanggan.
- 9.7.5 Resit Rasmi Kew.38E **ASAL** dicetak **SEKALI** sahaja.
- 9.7.6 Sekiranya Resit Rasmi asal tidak dapat dikeluarkan atas sebab-sebab teknikal, Resit Rasmi salinan hendaklah dicap ASAL dan diperaku sah oleh Ketua Jabatan atau pegawai yang menerima Penetapan Kuasa dan Tugas.
- 9.7.7 Penyelia hendaklah memastikan proses serahan dilakukan bagi semua Resit Rasmi Kew.38E yang dijana pada hari tersebut.
- 9.7.8 Bagi pungutan luar yang selesai selepas waktu pejabat, serahan terimaan hendaklah dibuat pada hari bekerja berikutnya. PTJ/Pejabat Pemungut hendaklah mewujudkan kawalan dalaman untuk menangani risiko kehilangan [Wang Awam](#).

9.8 Kawalan Ke Atas Borang Hasil dan Resit Rasmi

- 9.8.1 Semua stok buku [Resit Rasmi](#) dan Borang Kawalan Hasil yang diterima, dikeluarkan dan masih belum digunakan perlu direkod secara bertulis dalam Daftar Borang Hasil (Kew.67) dengan lengkap dan teratur (AP63 dan AP67). Format Daftar Borang Hasil (Kew.67) adalah seperti di [Lampiran B1a](#) dan contoh Daftar Borang Hasil (Kew.67) yang telah dilengkapi adalah seperti di [Lampiran B1b](#).
- 9.8.2 Penyata Mengenai Borang Hasil Yang Dikawal (Kew.68) perlu disediakan bagi merekod Resit Rasmi yang sedang digunakan dan baki buku pada hujung bulan. Format Penyata Borang Hasil Yang Dikawal adalah seperti di [Lampiran B2](#).
- 9.8.3 Semua stok Resit Rasmi yang belum digunakan hendaklah disimpan di tempat yang dikunci dengan selamat seperti bilik kebal, peti besi atau kabinet besi berpaling (AP68).

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN

- 9.8.4 Buku Resit Rasmi perlu diperiksa sebelum digunakan bagi menentukan nombor sirinya adalah lengkap dan betul. Perakuan selaras dengan AP66(a) perlu dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat dalam buku tersebut.
- 9.8.5 Buku Resit Rasmi dan Borang Kawalan Hasil perlu digunakan mengikut susunan nombor yang betul dan berturutan.
- 9.8.6 Pemungut atau seorang pegawai kanan yang tidak menyediakan Resit Rasmi dan tidak membuat pungutan perlu menyimpan dan mengunci stok Resit Rasmi yang belum digunakan [AP65(b) dan AP126(a)].
- 9.8.7 Resit Rasmi yang dikeluarkan daripada stok, hendaklah disemak sekurang-kurangnya sekali sebulan dengan menandatangani ringkas dan mencatatkan tarikh pada buku daftar (Daftar Borang Hasil (Kew.67) untuk memastikan semua Resit Rasmi yang belum digunakan masih boleh digunakan [AP80(c)].
- 9.8.8 Selaras dengan AP66A, apabila terdapat pertukaran pegawai (Pemungut), stok borang hasil hendaklah disemak oleh kedua-dua pegawai yang menyerahkan dan menerima tugas. Penyata Borang Hasil Yang Dikawal seperti [Lampiran B1a](#) (sebelum ini dikenali sebagai Lampiran N dalam Arahan Perbendaharaan) hendaklah dicetak dan ditandatangani oleh kedua-dua pegawai. Sekiranya Kew.67 dijana melalui sistem, kelulusan borang kewangan Kerajaan perlu diperolehi daripada Kementerian Kewangan terlebih dahulu.
- 9.8.9 Selaras dengan AP63(b), apabila Resit Rasmi dijana secara elektronik, sistem pengeluaran Resit Rasmi elektronik yang digunakan hendaklah memenuhi ciri-ciri kawalan tertentu yang ditetapkan. Antara maklumat kawalan yang perlu diwujudkan ialah kod akaun terimaan, tarikh dan waktu transaksi, kod nama/kata pengenalan operator, waktu mula dan akhir, tarikh, jumlah dan cara terimaan, nombor Resit Rasmi mula hingga akhir serta bilangan dan senarai Resit Rasmi dibatalkan bagi urus niaga yang berkenaan.
- 9.8.10 Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mencukupi dan berkesan terutama prosedur berkaitan dengan pengeluaran, penyimpanan, pelupusan dan pembatalan Resit Rasmi bagi mengelakkan berlakunya kes penyelewengan.

9.9 Resit Rasmi Melalui Sistem E-Resit

- 9.9.1 Pengeluaran Resit Rasmi elektronik melalui [E-Resit](#) boleh dibuat selepas mendapat kelulusan daripada [Ketua Akauntan](#) Kementerian dalam situasi seperti berikut:

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN

- (1) pungutan luar pejabat oleh pegawai yang telah menerima Penetapan Kuasa Dan Tugas serta Kebenaran Khusus Secara Bertulis untuk membuat kutipan di mana iGFMAS tidak dapat dicapai/akses. Contoh terimaan wang di ekspo, pameran, karnival dan sebagainya;
- (2) urusan terimaan wang oleh PTJ/Pejabat Pemungut Manual. Contohnya PTJ/Pejabat Pemungut di kawasan pedalaman; atau
- (3) situasi lain daripada yang dinyatakan di atas.

9.9.2 Antara asas pertimbangan Bahagian Akaun Kementerian sebelum kelulusan penggunaan E-Resit diberikan:

- (1) E-Resit beroperasi tanpa memerlukan capaian rangkaian internet serta tidak menyimpan maklumat data induk dan subsidiari. E-Resit hanya untuk terimaan jenis resit biasa sahaja;
- (2) Resit Rasmi Kew.38E yang dijana daripada sistem E-Resit perlu dimuat naik ke iGFMAS untuk diperakaunkan, dibuat serahan wang, penyediaan Penyata Pemungut dan pengemaskinian laporan. Juruwang yang mengeluarkan resit melalui E-Resit mestilah Juruwang yang sama untuk memuat naik (upload) data E-Resit ke iGFMAS; dan
- (3) kawalan dalaman yang mencukupi dan berkesan hendaklah diwujudkan bagi mengelakkan berlakunya kes penyelewengan dan ketirisan Wang Awam.

9.9.3 Nombor resit yang dijana dari E-Resit adalah berbeza daripada nombor resit yang dijana daripada iGFMAS iaitu melibatkan kombinasi Tahun, Kumpulan PTJ & PTJ, ID Profil Mesin dan Nombor Siri.

9.9.4 Peranan dan Tanggungjawab Pengguna E-Resit

- (1) Pentadbir Sistem AO (Local Administrator – LA)
 - (a) memproses permohonan dan mewujudkan/mengemas kini tahap capaian E-Resit kepada Admin PTJ/Pejabat Pemungut; dan
 - (b) menyemak dan memproses kelulusan/kuiri permohonan *License Key* oleh PTJ/Pejabat Pemungut.

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN

- (2) Pentadbir Sistem PTJ/Pejabat Pemungut (Admin PTJ/Pejabat Pemungut)
 - (a) pegawai hendaklah dilantik oleh Ketua Jabatan dan bukan merupakan Penyelia dan Juruwang. Pegawai tidak terlibat dengan proses terimaan melalui E-Resit;
 - (b) memohon *License Key* untuk muat turun aplikasi E-Resit daripada LA;
 - (c) memuat turun aplikasi E-Resit di PC atau komputer riba hak milik Kerajaan sahaja;
 - (d) mewujudkan dan mengemas kini Profil Mesin di PC atau komputer riba hak milik Kerajaan sahaja; dan
 - (e) mewujudkan dan mengemas kini pengguna di setiap PC atau komputer riba hak milik Kerajaan sahaja mengikut peranan masing-masing.
- (3) Penyelia di PTJ/Pejabat Pemungut
 - (a) menyemak Laporan Resit *Offline* bagi memastikan semua resit yang dijana oleh Juruwang melalui E-Resit telah dimuat turun dan dimuat naik ke iGFMAS;
 - (b) bertanggungjawab membatalkan Resit Rasmi Kew.38E yang dijana melalui E-Resit;
 - (c) memastikan salinan Resit Rasmi Kew.38E yang telah dijana difailkan dengan teratur; dan
 - (d) menyelia buku Daftar Penggunaan E-Resit yang diwujudkan sebagai kawalan dalaman.
- (4) Juruwang
 - (a) menjana Resit Kew.38E;
 - (b) memuat turun fail yang mengandungi Resit Rasmi Kew.38E yang telah dijana untuk dimuat naik ke iGFMAS;
 - (c) membuat *back up* bagi setiap fail yang telah dimuat turun ke dalam *external storage*;

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN

- (d) memuat naik fail dari E-Resit ke iGFMAS dan teruskan dengan proses Serahan Wang sehingga Penyata Pemungut; dan
- (e) menyimpan salinan Resit Kew.38E di dalam fail dengan teratur.

10. MEREKOD RESIT RASMI DAN TERIMAAN

- 10.1 Semua transaksi terimaan hendaklah direkodkan di dalam Laporan Buku Tunai Cerakinan atau Buku Tunai Cerakinan (Kew.248)/Buku Tunai Serahan (Kew.249). Format Laporan Buku Tunai Cerakinan adalah seperti di [Lampiran B3](#).
- 10.2 Selaras dengan AP72, setiap Resit Rasmi hendaklah direkodkan di dalam Laporan Buku Tunai Cerakinan/Buku Tunai Cerakinan (Kew.248)/Buku Tunai Serahan (Kew.249) pada hari yang sama kecuali:
 - (1) Suatu bayaran tetap ada tercetak pada Resit Rasmi, hendaklah direkod pada hujung hari dan boleh direkod secara berkelompok di Buku Tunai mengikut turutan nombor siri;
 - (2) Terimaan melalui Ejen Pemungut Kerajaan;
 - (3) Pungutan luar, dalam keadaan pegawai mesti bekerja seorang diri. Semua pungutan luar hendaklah diperakaunkan dengan segera apabila kembali ke pejabat; dan
 - (4) Perkara-perkara lain dengan kelulusan Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/Akauntan Negeri.
- 10.3 Selaras dengan AP73, semua terimaan hendaklah direkodkan ke dalam Buku Tunai oleh seorang pegawai yang lain selain pegawai yang menerima terimaan, kecuali jika:
 - (1) seseorang pegawai lain tidak ada dan kebenaran khusus telah diperoleh terlebih dahulu daripada Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/Akauntan Negeri; atau
 - (2) sistem terimaan bermesin atau elektronik berupaya menjana Buku Tunai.

11. PENYEDIAAN PENYATA PEMUNGUT

- 11.1 [Penyata Pemungut](#) adalah Slip Bayar Masuk Bank. Penyata Pemungut disediakan mengikut jenis [mod terimaan/cara bayaran](#).
- 11.2 Apabila terimaan hendak dimasukkan ke dalam Akaun Bank Kerajaan, Penyata Pemungut hendaklah disediakan [AP79(a)]. Proses penyediaan Penyata Pemungut secara elektronik adalah berdasarkan manual prosedur kerja yang berkaitan
- 11.3 Butir-butir berikut perlu dicatatkan dengan betul dalam Penyata Pemungut:
- (1) jumlah yang dibayar masuk ke bank;
 - (2) tempoh pungutan;
 - (3) nombor [ID Korporat Terimaan](#) di ruangan nombor slip bank (jika berkaitan);
 - (4) tarikh diterima oleh bank/tarikh pindahan dana di Akaun Terimaan Utama AO; dan/atau
 - (5) nombor rujukan draf bank/kiriman wang/cek.
- 11.4 Pegawai Peraku I dan II hendaklah memastikan maklumat pada Penyata Pemungut adalah lengkap dan betul.

12. TERIMAAN DIMASUKKAN KE DALAM AKAUN BANK KERAJAAN

- 12.1 Selaras dengan AP78(a), semua terimaan di tangan hendaklah dimasukkan ke [Akaun Bank Kerajaan](#) dan diperakaunkan oleh Pemungut pada hari yang sama jika:
- 12.1.1 Terimaan dalam negeri:
- (1) terimaan wang kertas dan duit syiling melebihi RM1,000; dan
 - (2) jumlah terimaan (termasuk wang kertas, duit syiling, cek dan kiriman wang) melebihi RM 2,500.
- 12.1.2 Terimaan luar negeri:
- (1) terimaan wang kertas dan duit syiling melebihi RM3,000; dan
 - (2) jumlah terimaan (termasuk wang kertas, duit syiling dan cek) melebihi RM4,000.

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN

- 12.2 Sekiranya wang pungutan lewat diterima atau diterima pada hari cuti, urusan kemasukan wang ke Akaun Bank Kerajaan hendaklah dilakukan pada hari bekerja yang berikutnya.
- 12.3 Bagi terimaan cek termasuk kiriman wang dan draf bank mestilah dimasukkan ke Akaun Bank Kerajaan tidak lewat satu (1) minggu dari tarikh diterima [AP78(a)] dan/atau tidak kurang lima (5) hari dari tarikh tamat kiriman wang dan draf bank tersebut.
- 12.4 Terimaan yang tidak sempat dimasukkan ke Akaun Bank Kerajaan hendaklah disimpan dengan selamat selaras dengan AP126 dan AP131.
- 12.5 Terimaan tanpa mengambil kira jumlah, perlu dimasukkan ke Akaun Bank Kerajaan pada hari terakhir bekerja dalam tempoh perakaunan bulanan atau apa-apa tempoh perakaunan yang lebih singkat sebagaimana ditetapkan oleh Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/Akauntan Negeri [AP78(b)].
- 12.6 Bagi terimaan yang diterima pada hari terakhir bekerja dalam sesuatu tempoh perakaunan selepas semua terimaan dimasukkan ke Akaun Bank Kerajaan, terimaan perlu dimasukkan ke Akaun Bank Kerajaan dan diperakaunkan dalam Buku Tunai bulan berikutnya [AP78(c)].

**13. TERIMAAN MELALUI PINDAHAN DANA DARIPADA AKAUN BANK PEMBAYAR
(ELECTRONIC FUND TRANSFER - EFT) OLEH KEMENTERIAN/JABATAN**

- 13.1 PTJ/Pejabat Pemungut hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Pejabat Perakaunan bagi sebarang terimaan melalui EFT daripada [Agensi Kerajaan](#), pertubuhan, syarikat swasta dan individu bagi mengelakkan berlaku terimaan tidak dapat dikenal pasti.
- 13.2 Resit Rasmi hendaklah dikeluarkan oleh PTJ/Pejabat Pemungut pada tarikh terima notis eMaklum/tarikh pengesahan bertulis daripada AO dan PTJ telah mengenal pasti pembayar tersebut. Resit Rasmi hendaklah dihantar kepada pembayar selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya.
- 13.3 Penyata Pemungut (Jenis D – Diperakaunkan sahaja) hendaklah di Peraku II dan disokong dengan notis eMaklum/pengesahan bertulis yang diterima daripada AO.
- 13.4 Terimaan bagi bayaran/pindahan daripada agensi pukal, agensi potongan gaji dan bank gaji bagi bayaran emolumen ke Akaun Terimaan Utama AO adalah dibenarkan.
- 13.5 PTJ bertanggungjawab memastikan agensi pukal mengemukakan pemakluman/notifikasi pembayaran balik (refund) kepada AO bagi amaun yang dikreditkan ke Akaun Terimaan Utama AO.

- 13.6 PTJ hendaklah mengutamakan kaedah terimaan secara elektronik (tanpa tunai) sebagaimana yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.
- 13.7 Kaedah pindahan terus ke dalam Akaun Terimaan Utama AO adalah selaras dengan Garis Panduan Pengurusan Terimaan Secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) Ke Akaun Terimaan Pejabat Perakaunan yang berkuat kuasa.

14. TERIMAAN MELALUI PINDAHAN TELEGRAF – [\[TELEGRAPHIC TRANSFER \(TT\)\]](#)

- 14.1 Transaksi yang mengandungi maklumat berkenaan terimaan dari luar negeri menggunakan kaedah pindahan terus ke dalam Akaun Terimaan AO.
- 14.2 Tiada sebarang kenan caj bank yang boleh dikenakan oleh Institusi kewangan kepada Kerajaan bagi terimaan dari luar negeri yang menggunakan kaedah TT.
- 14.3 Resit Rasmi hendaklah dikeluarkan oleh PTJ/Pejabat Pemungut pada tarikh terima notis eMaklum/tarikh pengesahan bertulis daripada AO dan dihantar kepada pembayar selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya.
- 14.4 Penyata Pemungut (Jenis D – Diperakaunkan sahaja) hendaklah di Peraku II dan disokong dengan notis eMaklum/pengesahan bertulis yang diterima daripada AO.
- 14.5 Transaksi untung rugi mata wang asing (sekiranya ada) hendaklah diperakaunkan:
 - 14.5.1 Urusan berkaitan pelarasan perbezaan untung rugi dilakukan oleh AO.
 - 14.5.2 Rujuk MPK-AR 18 Perakaunan Untung Rugi Mata Wang Asing.

15. TERIMAAN MATA WANG ASING DI DALAM NEGERI

- 15.1 Mata wang asing adalah mata wang selain daripada Ringgit Malaysia (RM). Bagi terimaan di kaunter, urus niaga terimaan hendaklah menggunakan Ringgit Malaysia (RM).
- 15.2 Invois kepada pelanggan hendaklah dikeluarkan dalam Ringgit Malaysia (RM).
- 15.3 Selaras dengan AP77, mata wang asing yang sah diperlakukan hendaklah diurus dan diakaunkan berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa. Mata wang asing yang tidak sah diperlakukan, tidak boleh diterima sebagai bayaran oleh mana-mana Kementerian/Jabatan. Sekiranya mata wang asing sampai ke tangan seseorang Pegawai Perakaunan, wang itu hendaklah dihantar ke Perbendaharaan Tempatan atau Perbendaharaan Kecil.

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN

- 15.4 Bagi memperakaunkan hasil rampasan yang melibatkan mata wang asing, tatacara berikut hendaklah dipatuhi:
- 15.4.1 PTJ perlu memastikan rampasan mata wang asing dimasukkan ke dalam Akaun Bank Kerajaan; dan
 - 15.4.2 Bank hendaklah menerima mata wang tersebut tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (1) transaksi dibuat di cawangan bank tertentu sahaja. (AO bertanggungjawab untuk menjadi perantara di antara PTJ dan Bank Utama AO); dan
 - (2) penentuan jenis mata wang asing yang boleh diterima dan diniagakan serta kadar pertukaran adalah tertakluk kepada *Bureau De Change* (BDC) setiap bank.

16. PEMERIKSAAN DALAMAN

- 16.1 Selaras AP308(a), pemeriksaan dalaman oleh **Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan atau pegawai yang dilantik** dari semasa ke semasa hendaklah menjalankan pemeriksaan mengejut atas sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan atau perakaunan (termasuk perakaunan Aset Awam) bagi memastikan pegawai di bawah kawalannya mematuhi peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.
- 16.2 Selaras dengan AP308(b), hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dalam Buku Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan butiran seperti berikut:
- 16.2.1 tarikh dan masa pemeriksaan dalaman;
 - 16.2.2 nama dan jawatan pegawai yang diperiksa;
 - 16.2.3 perihal kewajipan kewangan atau perakaunan yang diperiksa;
 - 16.2.4 hasil pemeriksaan dalaman; dan
 - 16.2.5 tandatangan dan jawatan pegawai pemeriksa.

17. PEMERIKSAAN MENGEJUT

- 17.1 Selaras dengan AP309(a), **Ketua Jabatan** hendaklah mengadakan pemeriksaan mengejut ke atas setiap peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas lain yang menyimpan wang dalam jagaan seseorang pegawai dalam Kementerian/Jabatannya, yang diamanahkan dengan penyimpanan Wang Awam, setem atau barang-barang lain yang berharga. Pemeriksaan mengejut ini hendaklah dibuat secara berkala dan tidak kurang dari sekali

dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh terakhir pemeriksaan itu dijalankan.

- 17.2 Pegawai Pengawal hendaklah mengenal pasti jawatan Ketua Jabatan yang layak menjalankan pemeriksaan mengejut sebagaimana takrifan Ketua Jabatan di dalam AP3. Ketua Jabatan yang telah dikenal pasti tidak boleh mewakili kuasa dan melantik pegawai lain untuk melaksanakan pemeriksaan mengejut. Ketua Jabatan yang menjalankan pemeriksaan mengejut tidak dibenarkan memegang kunci peti besi.
- 17.3 **Penyeliaan Terhadap Pegawai Yang Bekerja Seorang Diri**

Ketua Jabatan bertanggungjawab melaksanakan Pemeriksaan Mengejut terhadap Pegawai yang diberi kelulusan membuat pungutan seorang diri [AP70(a)(iii)].
- 17.4 Hasil pemeriksaan mengejut hendaklah direkodkan dalam Buku Daftar Pemeriksaan Mengejut lengkap dengan butiran seperti yang dinyatakan di dalam AP 309(b) sebagaimana berikut:
 - 17.4.1 tarikh dan masa pemeriksaan;
 - 17.4.2 nama pegawai yang wang tunai dan lain-lain dalam jagaannya diperiksa;
 - 17.4.3 amaun Wang Awam dan setem yang diamanahkan kepadanya;
 - 17.4.4 perihal barang-barang berharga yang diamanahkan kepadanya;
 - 17.4.5 hasil pemeriksaan; dan
 - 17.4.6 tandatangan dan jawatan pegawai pemeriksa.

18. BILIK KEBAL ATAU PETI BESI

- 18.1 AP125 – Kebenaran untuk pemegang kunci dan nombor kombinasi peti besi atau bilik kebal
 - 18.1.1 Peti besi atau bilik kebal hendaklah mempunyai dua (2) kunci yang berasingan dengan anak kunci yang berlainan atau nombor kombinasi yang berlainan dipegang oleh dua (2) orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kebenaran khusus secara bertulis oleh Ketua Jabatan. Pegawai itu hendaklah secara berkala sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam (6) bulan mengesahkan dan memperakui akan kandungan peti besi atau bilik kebal itu [AP125(a)].

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN

- 18.1.2 Selaras dengan AP309(a), Ketua Jabatan yang menjalankan pemeriksaan mengejut tidak dibenarkan memegang kunci peti besi.
- 18.2 Bilik kebal atau peti besi mesti mempunyai dua (2) kunci yang berasingan dengan anak kunci berlainan atau menggunakan kunci kombinasi. Bagi bilik kebal atau peti besi yang menggunakan kunci kombinasi, kodnya hendaklah ditukar oleh kedua-dua orang pegawai yang bertanggungjawab setiap enam (6) bulan sekali atau setiap kali terdapat pertukaran pegawai atau pada bila-bila masa disyaki bahawa kombinasi kod tersebut telah diketahui oleh orang yang tidak dibenarkan [AP125(c)].
- 18.3 Semua wang tunai, cek, tiket, setem, buku kaunterfoil hasil, dokumen dan barang-barang lain yang berharga hendaklah disimpan dalam peti besi atau bilik kebal atau sekurang-kurangnya dalam kabinet besi berpaling yang ditempatkan dalam bilik berkunci dengan seberapa segera yang boleh. Peti wang tunai hendaklah disimpan ke dalam peti besi atau bilik kebal atau sekurang-kurangnya dalam kabinet besi berpaling yang ditempatkan dalam bilik berkunci jika ada tempat sedemikian [AP126(a)].
- 18.4 Hanya Wang Awam dibenarkan disimpan di dalam peti besi. Barang-barang lain tidak dibenarkan disimpan di dalam peti besi kecuali dengan kebenaran (AP132).
- 18.5 Penyimpanan anak kunci, nombor kombinasi dan anak kunci ganti peti besi hendaklah mematuhi AP125(c), AP129 dan AP135.

19. TERIMAAN MELALUI SISTEM TERIMAAN YANG DIBANGUNKAN OLEH KEMENTERIAN/JABATAN

- 19.1 Kementerian/Jabatan hendaklah terlebih dahulu mengutamakan Sistem Pengurusan Terimaan yang telah dibangunkan oleh JANM kecuali sistem baharu perlu dibangunkan untuk memenuhi keperluan khusus Kementerian/Jabatan tertakluk kepada kelulusan JANM dan format Resit Rasmi dengan kelulusan Perbendaharaan Malaysia.
- 19.2 Permohonan kelulusan reka bentuk sistem kewangan dan perakaunan dan cadangan menggunakan saluran terimaan baharu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan JANM melalui Bahagian Akaun, Kementerian selaras dengan SPANM Tatacara Permohonan Kelulusan Reka Bentuk Sistem Kewangan dan Perakaunan Kementerian/Jabatan Persekutuan yang berkuat kuasa.

20. KAWALAN SISTEM TERIMAAN

- 20.1 Sistem terimaan hendaklah mempunyai pelan pemulihan bencana (disaster recovery plan) selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa bagi menghadapi gangguan sistem atau bencana.

LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN

- 20.2 Semua sistem yang digunakan perlu mempunyai jejak audit (audit trail). Proses kerja kewangan dan perakaunan yang menggunakan teknologi [Automasi Pintar](#) (Intelligent Automation - IA) perlu dilengkapi dengan elemen kawalan, keselamatan security), jejak audit (audit trail) dan mematuhi undang-undang dan peraturan semasa berkuat kuasa.
- 20.3 Dokumen kewangan berserta dokumen sokongan perlu dilengkapkan dengan Borang Pergerakan Dokumen dan Senarai Semak (jika berkaitan). Rujuk Manual Prosedur Kerja (MPK) yang berkaitan.
- 20.4 PTJ/Pejabat Pemungut hendaklah menyemak status dokumen kewangan yang dihantar kepada AO dari semasa ke semasa bagi memastikan dokumen kewangan tersebut telah diambil tindakan.
- 20.5 PTJ/Pejabat Pemungut hendaklah memastikan dokumen kewangan yang dikuiri diambil tindakan segera.
- 20.6 Bagi dokumen kewangan yang diselenggara secara manual, pegawai Peraku I dan Peraku II hendaklah menandatangani dokumen kewangan yang berkaitan di ruangan yang disediakan.
- 20.7 Laporan hendaklah disemak bagi memastikan rekod kewangan dan perakaunan adalah tepat dan betul. Rujuk [Lampiran H](#) – **Garis Panduan Penyelenggaraan dan Semakan Laporan**.

21. REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN DISIMPAN SELAMAT

- 21.1 Rekod kewangan dan perakaunan hendaklah disimpan [softcopy/hardcopy (jika berkaitan)] mengikut jenis dokumen dan turutan bagi memudahkan semakan dan capaian dokumen.
- 21.2 Rekod yang dicetak hendaklah difailkan mengikut tahun kewangan dan tarikh laporan.
- 21.3 Rekod kewangan dan perakaunan hendaklah disimpan dengan selamat dan teratur mematuhi Tempoh Minimum Bagi Menyimpan Rekod Kewangan Dan Perakaunan seperti di **Lampiran M AP150 dan Jadual Pelupusan Rekod Kewangan Dan Perakaunan** yang dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia yang berkuat kuasa.
- 21.4 Ketua Jabatan hendaklah menentukan wujudnya kawalan dalaman bagi memastikan peraturan yang ditetapkan dipatuhi.

Buku
Rujukan Pencetak No.
(Kew. 67 - Pin 1/84)

[illegible]

Rujukan Pencetak No.

[illegible]

SPANM BIL. 3/2025

LAMPIRAN B3: FORMAT LAPORAN BUKU TUNAI CERAKINAN IGFMAS

Laporan	:	ZWAARR035	NAMA PTJ	Tarikh	:	-
Kod Transaksi	:	ZWAARR035	LAPORAN BUKU TUNAICERAKINAN	Masa	:	-
Pengguna	:	XXX	BAGI TEMPOH XXX SEHINGGA XXX	Muka Surat	:	-
SEPERTIPADA XXX BAGI TAHUN KEWANGAN 20XX						

Pejabat Perakaunan : XXX
Pegawai Pengawal Menyedia : XXX
Kumpulan PTJ & PTJ Menyedia : XXX

Pembayaran Kepada Perbendaharaan																
Tarikh Resit	Tarikh Transaksi	No. Resit / No. Dokumen	Sumber	Cara Bayaran	Kod Akaun	Vot/Dana	Amaun (RM)	Penyata Pemungut					Resit Perbendaharaan			
								Tarikh	Nombor Dokumen	Amaun Kasar (RM)	Caj Perkhidmatan		Amaun Bersih (RM)	Tarikh	Nombor Dokumen	Amaun (RM)
											Kod Akaun	Amaun (RM)				
Jumlah Harian																

SPANM BIL. 3/2025
LAMPIRAN B3: FORMAT LAPORAN BUKU TUNAI CERAKINAN IGFMAS

Laporan : xxx
Kod Transaksi : xxx
Pengguna : xxx

NAMA PTJ
LAPORAN BUKU TUNAI CERAKINAN
BAGI TEMPOH xxx SEHINGGA xxx
SEPERTI PADA xxx BAGI TAHUN KEWANGAN 20xx

Tarikh : -
Masa : -
Muka Surat : -

RINGKASAN PENYATA PEMUNGUT				
Bil.	Tarikh	Nombor	Status	Amaun (RM)
1				
Jumlah Diperbankan (RM)				xxx

RINGKASAN PENGELASAN		
Bil.	Cara Bayaran	Amaun (RM)
1	Electronic fund transfer	xxx
2	Tunai	xxx
Jumlah (RM)		xxx

RINGKASAN TERIMAAN			
Bil.	Kod Akaun	Bil. Urusiaga	Amaun (RM)
1	xx	xx	xxx
2	xx	xx	xxx
Jumlah (RM)			xxx

☐

RINGKASAN STATUS RESIT		
Status	Bil.	Amaun (RM)
Lulus	xx	xxx
Batal	xx	xxx

Disemak Oleh:

Name:

Tarikh:

**LAMPIRAN C: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN DI
KAUNTER TERIMAAN KEMENTERIAN/JABATAN**



**LAMPIRAN C:
GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN DI KAUNTER TERIMAAN
KEMENTERIAN/JABATAN**

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
2025**

**LAMPIRAN C: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN DI
KAUNTER TERIMAAN KEMENTERIAN/JABATAN****1. PENGENALAN**

Garis Panduan ini menerangkan tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pejabat Pemungut dan Pejabat Perakaunan (AO) dalam melaksanakan pengurusan terimaan di kaunter terimaan Kementerian/Jabatan bagi memastikan transaksi diperakaunkan dengan tepat dan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan.

2. PENETAPAN KUASA DAN TUGAS PEGAWAI PENGAWAL KEPADA PEGAWAI PERAKAUNAN DI BAWAH KAWALANNYA (AP11) SERTA KEBENARAN KHUSUS SECARA BERTULIS

- 2.1 PTJ/Pejabat Pemungut hendaklah memastikan hanya pegawai yang perjawatannya diberi [Penetapan Kuasa dan Tugas oleh Pegawai Pengawal](#) di bawah AP11 dan telah diberi [Kebenaran Khusus Secara Bertulis](#) sahaja yang dibenarkan menjalankan tugas kewangan dan perakaunan.
- 2.2 Tatacara Penetapan Kuasa dan Tugas oleh Pegawai Pengawal serta Kebenaran Khusus Secara Bertulis yang dibenarkan menjalankan tugas kewangan dan perakaunan tertakluk kepada pekeliling dan peraturan yang berkuat kuasa.

3. KAWALAN PENERIMAAN DI KAUNTER

- 3.1 [PTJ](#)/Pejabat Pemungut hendaklah memastikan ciri-ciri keselamatan yang bersesuaian diwujudkan di kaunter kutipan terimaan. Antaranya ciri-ciri keselamatan yang bersesuaian adalah seperti berikut:
 - 3.1.1 Memastikan notis makluman kepada orang awam untuk mendapatkan [Resit Rasmi](#) dipaparkan di tempat yang mudah dilihat. Dalam persekitaran elektronik, makluman mengenai keperluan mencetak/menyimpan akuan terimaan Wang Awam/Resit Rasmi perlu disediakan dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan bahasa lain sekiranya perlu (AP61).
 - 3.1.2 Kunci mesin beresit dipegang oleh [Pemungut](#) sendiri atau oleh pegawai kanan selain daripada operator mesin itu atau pegawai yang menerima pungutan. Jika sistem bermesin atau elektronik digunakan, kata laluan atau kata pengenalan hendaklah:
 - (1) dirahsiakan;
 - (2) ditukar secara berkala tidak kurang dari sekali dalam tempoh enam (6) bulan; dan
 - (3) ditukarkan jika berlaku pertukaran pegawai [AP70(b)].

**LAMPIRAN C: GARIS PANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN DI
KAUNTER TERIMAAN KEMENTERIAN/JABATAN**

- 3.2 Bagi meningkatkan keselamatan proses terimaan Kerajaan, ciri-ciri keselamatan seperti mesin *ultraviolet* (imbasan wang tunai), kabinet besi berpaling, kamera litar tertutup (CCTV), *panic button* dan pengawal keselamatan juga disarankan di kaunter terimaan.
- 3.3 Reka bentuk kaunter selain daripada mementingkan ciri mesra pelanggan, ia perlu juga mengambil kira ciri keselamatan petugas kaunter.

4. PELAKSANAAN

4.1 Pewujudan dan Penyelenggaraan Data Induk Pelanggan dan Kod Penjenisan Terimaan di [iGFMS](#)

- 4.1.1 PTJ/Pejabat Pemungut perlu mewujudkan/mengemas kini Data Induk Pelanggan. Rujuk MPK AR-01: Pewujudan dan Penyelenggaraan Data Induk Pelanggan.
- 4.1.2 PTJ/Pejabat Pemungut perlu mewujudkan/mengemas kini kod Penjenisan Terimaan dalam iGFMS pada setiap tahun kewangan. Rujuk MPK-AR02: Pewujudan dan Kemas kini Kod Penjenisan Terimaan.

